

PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

KHAMIS: 8 MEI 2008

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek jwp kem.08

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA 73)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN TEO NIE CHING**
TARIKH	:	**8 MEI 2008 (KHAMIS)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.10**

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kemajuan penggubalan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang dijanjikan oleh bekas Menteri bagi Kementerian ini dan bilakah pindaan berkenaan akan dibentangkan dan sama ada seksyen-seksyen 15 dan 16 akta tersebut akan dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) adalah suatu Akta yang menjadi sumber kuasa kepada penubuhan, sistem governan dan tadbir urus sesebuah universiti awam negara ini termasuklah aspek tatalaku pelajar dan bukan semata-mata untuk mengongkong pelajar seperti yang disangkakan oleh sesetengah pihak.

Satu Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menyemak peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam AUKU secara menyeluruh dan mengemukakan cadangan pindaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi.

Jawatankuasa menyemak dan mengkaji AUKU telah mengadakan perjumpaan dan konsultasi sebanyak 34 kali dengan dengan pelbagai pihak seperti ahli Parlimen, pihak pengurusan universiti, persatuan kakitangan akademik, badan bukan kerajaan dan persatuan mahasiswa. Pelbagai pandangan dan cadangan telah dibangkitkan berkaitan dengan pindaan tersebut.

Pindaan-pindaan yang dibuat adalah untuk menambah baik peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Penelitian terhadap pindaan ke atas akta ini adalah bagi melahirkan mahasiswa yang lebih bersifat kreatif, kritis dan inovatif serta mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk suasana pembelajaran.

Jawatankuasa menyemak dan mengkaji AUKU telah menyediakan deraf terakhir dan pindaan tersebut dijangka akan dapat dibentangkan di Parlimen pada tahun ini.

Kementerian amat berhati-hati dengan cadangan pindaan terutama yang menyentuh pembabitan pelajar dalam politik kampus dan percambahan idealogi mahasiswa. Ia perlu mengambil kira semua pandangan *"stakeholders"* termasuk pelajar dan ibu bapa serta membuat pertimbangan sewajarnya supaya sebarang pindaan kepada AUKU ini tidak akan memberikan kesan yang tidak baik kepada keselamatan dan kesejahteraan negara.

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAPAN LISAN**
DARIPADA	:	**Y. B. TUAN ISMAIL BIN HJ MOHAMED SAID (KUALA KRAU)**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pembinaan laluan keretapi dari Kuala Lumpur ke Kuantan, Terengganu dan Kelantan seterusnya dihubungkan ke *Kuala Lumpur International Airport* (KLIA) akan dilaksanakan dalam projek ECER.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan tidak bercadang untuk **melaksanakan** projek laluan kereta api dari Kuala Lumpur ke Kuantan, Terengganu dan Kelantan serta dihubungkan dengan KLIA di bawah ECER.

Walau bagaimanapun, di bawah perancangan Koridor Pembangunan Wilayah Timur (ECER), Kerajaan bercadang untuk **melaksanakan Kajian Kemungkinan Laluan Keretapi Timur-Barat.** Skop kajian adalah seperti berikut:

i) Mengkaji keberkesanan sistem jaringan keretapi sedia ada;

ii) Mengkaji keperluan untuk mewujudkan rangkaian landasan keretapi yang baru. Antara cadangan jajaran yang akan dikaji

adalah dari Kuala Lumpur–Mentakab–Kuantan–Kerteh–Pasir Mas/Tanah Merah ke Butterworth;

iii) Mengkaji keperluan untuk menaik taraf stesen-stesen kereta api sedia ada; dan

iv) Mengkaji keperluan untuk mewujudkan *scenic train* bagi tujuan pelancongan.

Kajian ini akan membantu Kerajaan mengenal pasti rangkaian landasan kereta api yang perlu dibangunkan bagi menyokong pembangunan projek-projek di wilayah pembangunan koridor serta kaedah pelaksanaan yang terbaik.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, kos untuk membangunkan infrastruktur kereta api yang cekap adalah tinggi. Oleh yang demikian, projek pembangunan berkaitan perlu dirancang dengan teliti dan dilaksanakan mengikut keutamaan. Faktor-faktor seperti keupayaan kewangan Kerajaan, keperluan perkhidmatan, daya maju projek dan sebagainya perlu dipertimbangkan.

Buat masa ini, Kerajaan memberi keutamaan untuk menyiapkan projek-projek landasan kereta api yang telah diluluskan dan sedang dilaksanakan di bawah RMKe-9 iaitu projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar, Seremban-Gemas dan Sentul-Batu Caves.

SJ.B/(84)

NO: 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM (BUKIT GANTANG)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 08.05.2008

Tuan Roslan bin Shaharum (Bukit Gantang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang ehsan daripada royalti Petronas yang Kerajaan Pusat telah salurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 2004 hingga 2007.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah wang ehsan atau Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) yang telah diluluskan untuk manfaat negeri Terengganu bagi tahun 2004 hingga 2007 adalah sebanyak RM9.77 bilion. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM4.61 bilion telah disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu manakala baki sebanyak RM5.16 bilion diluluskan kepada Kementerian dan agensi untuk pelaksanaan program dan projek yang diperakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	IR HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]
BERTARIKH	:	8 MEI 2008
SOALAN	:	

IR HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH PERKEMBANGAN / KEMAJUAN KE ATAS KOMITMEN JKR UNTUK MENINGKATKAN

KANDUNGAN SYARAT-SYARAT KONTRAK KE ATAS SEMUA KERJA PEMBINAAN KERANA BANYAK KELEMAHANNYA DAN TIDAK SESUAI DENGAN KEPERLUAN SEMASA.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAT YANG BERHORMAT, SYARAT-SYARAT KONTRAK JKR YANG BARU TELAHPUN DILANCARKAN OLEH Y.B. MENTERI KERJA RAYA PADA 31.1.2008. BORANG-BORANG KONTRAK JKR BARU TELAH DILULUSKAN OLEH PEJABAT PEGUAM NEGARA PADA AKHIR TAHUN 2007. BORANG-BORANG KONTRAK TERSEBUT ADALAH BORANG KONTRAK PWD 203/203A (REV. 2007) BAGI KERJA-KERJA KONVENSIONAL DAN BORANG KONTRAK PWD DB (REV. 2007) BAGI KERJA-KERJA REKA DAN BINA.

ANTARA PENAMBAHBAIKAN KE ATAS BORANG-BORANG KONTRAK TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

i) SATU PERUNTUKAN REPRESENTASI KONTRAKTOR BAHAWA IA MEMPUNYAI KEMAMPUAN SECARA KEWANGAN DAN TEKNIKAL UNTUK MENJALANKAN KERJA-KERJA PEMBINAAN.KONTRAKTOR JUGA MESTILAH BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI MALAYSIA (LPIPM) SEBAGAIMANA YANG DISYARATKAN DI DALAM PERUNDANGAN. INI ADALAH JUGA BAGI MEMASTIKAN HANYA KONTRAKTOR YANG BENAR-BENAR BERKEMAMPUAN SAHAJA DILANTIK AGAR IA DAPAT MENYIAPKAN PROJEK KERAJAAN PADA TEMPOH YANG DITETAPKAN .

(ii) TAKRIF PERAKUAN SIAP KERJA PERUNTUKKAN BAGI MEMBANTU PEGAWAI PENGUASA UNTUK MENTADBIR KONTRAK DENGAN LEBIH BERKESAN. HANYA APABILA KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA SEJAJAR

DENGAN PERUNTUKAN KONTRAK DENGAN SEPENUHNYA MAKA BARULAH SATU PERAKUAN SIAP KERJA DAPAT DIKELUARKAN.

(III) MEMPERJELASKAN PERUNTUKKAN LANJUTAN MASA YANG BOLEH DIBERIKAN KEPADA KONTRAKTOR. KELEWATAN YANG DISEBABKAN SENDIRI OLEH KONTRAKTOR ATAU SUBKONTRAKTORNYA TIDAK MEMBOLEHKAN PEGAWAI PENGUASA MEMBERI LANJUTAN MASA. KONTRAKTOR JUGA MEMPUNYAI TANGGUNG JAWAB UNTUK MEMBENDUNG KELEWATAN YANG BERLAKU DI TAPAK BINA.

(iv) BAGI KERAJAAN DIBENARKAN UNTUK MENANGGUHKAN SAMAADA KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIAN KERJA YANG DIKONTRAKKAN. INI ADALAH SATU

PERUNTUKAN YANG LEBIH SAKSAMA LEBIH-LEBIH LAGI APABILA TERDAPAT MASALAH PENGAMBILAN TANAH YANG MENYEBABKAN PROJEK-PROJEK TERSEBUT TERHENTI. NAMUN BEGITU PENANGGUHAN KERJA INI ADALAH BAGI TEMPOH SETAHUN SAHAJA DAN SELEPAS ITU KEDUA-DUA BELAH PIHAK BOLEH MERUNDINGKAN SAMAADA UNTUK MENERUSKAN PROJEK TERSEBUT ATAUPUN TIDAK.

(v) BAGI MEMBENDUNG SERTA MENYEKAT GEJALA RASUAH, SATU PERUNTUKAN BAGI MEMBOLEHKAN KERAJAAN UNTUK MENAMATKAN KONTRAK KERJA APABILA DIDAPATI KONTRAKTOR TERLIBAT DI DALAM KEGIATAN RASUAH BERKAITAN DENGAN PROJEK KERAJAAN.

(vi) BAGI KONTRAK REKA DAN BINA PULA, SATU PERUNTUKAN BAGI JAMINAN REKABENTUK DARIPADA INSTITUSI KEWANGAN DIADAKAN. INI ADALAH BAGI MENJAMIN HAK KERAJAAN. SEKIRANYA TERDAPAT KECACATAN TERHADAP REKABENTUK YANG MENYEBABKAN SESEBUAH PROJEK TERSEBUT TIDAK BERFUNGSI SEBAGAIMANA YANG DIKONTRAKKAN, MAKA KERAJAAN BOLEH MELUNASKAN JAMINAN REKABENTUK TERSEBUT APABILA INI BERLAKU.

(vii) BAGI MEMASTIKAN KERJA-KERJA DILAKSANAKAN DI TAPAK BINA DENGAN SEWAJARNYA OLEH KONTRAKTOR DI DALAM KONTRAK REKA DAN BINA, SATU LAPURAN PENGAWASAN YANG DISEDIAKAN OLEH KONTRAKTOR BERSERTA DENGAN PARA PERUNDINGNYA PERLU DIKEMUKAKAN

KEPADA KERAJAAN. INI ADALAH BAGI MEMASTIKAN KONTRAKTOR SERTA PARA PERUNDINGNYA TELAH MELAKSANAKAN KERJA-KERJA SEJAJAR DENGAN PERUNTUKKAN KONTRAK SEBELUM MEREKA DIBAYAR.

LAMPIRAN E

SOALAN ☎ 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN FONG PO KUAN** **[BATU GAJAH]**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
SOALAN	:	**Meminta MENTERI PELANCONGAN Menyatakan:-** Sebab-sebab Kementeriannya enggan menyalurkan peruntukan di bawah pelancongan kepada negeri-negeri di bawah pimpinan Bukan Barisan Nasional, yang sejurusnya mencerminkan bekerjasama dengan Kerajaan negeri walaupun dapat memberi manfaat kepada sektor pelancongan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan tidak menyekat penyaluran peruntukan kepada negeri-negeri di bawah pemerintahan Bukan Barisan Nasional. Peruntukan berkenaan disalurkan terus kepada Akaun Majlis Tindakan Pelancongan (MTPN) yang berkenaan.

SOALAN NO: 15

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. PUAN HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
[BATANG SADONG]

TARIKH : 8 MEI, 2008 [KHAMIS]

SOALAN : YB PUAN HAJAH NANCY BINTI SHUKRI [BATANG SADONG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah perancangan Kementerian mengenai pembukaan estet padi di Negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini Sarawak mempunyai 1,100 hektar mini estet padi di daerah Meradong, Bahagian Sarikei di Bundong Sian seluas 226 hektar dan Tulai seluas 446 hektar dan lain-lain kawasan seluas 428 hektar melibatkan seramai 172 orang petani. Di samping itu, kawasan baru yang dikenal pasti seluas 25,583 hektar kawasan padi yang sesuai untuk dibangunkan secara mini estet di Sarawak. Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak adalah agensi utama yang akan membangunkan mini estet padi di kawasan ini.

Hasil purata padi di mini estet adalah 4.5 tan metrik sehektar berbanding purata hasil 2.5 tan metrik sehektar sebelum mini estet ditubuhkan.

Soalan No. 16

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B.TUAN SALLEH KALBI (SILAM)**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
SOALAN	:	

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah rancangan Kementerian untuk membina Institut Latihan Kemas (ILK) negeri Sabah dibina di kawasan Parlimen Silam.

JAWAPAN :

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) KEMAS tidak diluluskan peruntukan untuk membina baru Institut Latihan. KEMAS hanya diperuntukkan sebanyak RM27.6 juta untuk menaiktaraf tiga buah pusat latihan sedia ada iaitu Pusat Latihan KEMAS (PLK) Kuala Lumpur, Institut Latihan KEMAS (ILK) Seri Iskandar, Perak dan Institut Latihan KEMAS Kuantan, Pahang.

NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK ABDUL MANAN BIN ISMAIL**
TARIKH	:	**8 MEI 2008 (KHAMIS)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.17**

Datuk Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk menanam semangat kenegaraan kepada penuntut-penuntut Malaysia di luar negara yang sentiasa dipengaruhi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sama ada melalui lawatan-lawatan atau sebaran internet.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya, para pelajar kita yang menuntut di luar negara sangat tekun dan memberi sepenuh perhatian bagi menimba ilmu pengetahuan masing-masing. Mereka sering mendapat pujian oleh para pensyarah dan pegawai-pegawai universiti atas kecemerlangan prestasi akademik serta keterampilan sahsiah dan budi bahasa yang terpuji. Mereka juga memiliki semangat kenegaraan yang tinggi dan sering mengambil bahagian dalam pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Kedutaan dan Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara.

Bagi memperkukuh semangat kenegaraan dan jati diri, pihak Kementerian telah menjalankan kursus kenegaraan kepada semua pelajar tajaan sebelum mereka berlepas ke luar negara bagi melanjutkan pengajian.

Di samping itu, Kementerian sentiasa menggalak dan akan terus memperluaskan penglibatan pelajar-pelajar berkenaan dalam majlis-majlis sambutan ulang tahun kemerdekaan negara, program dialog dan ramah mesra bersama pemimpin-pemimpin negara dan pelbagai kursus, seminar dan forum yang membahaskan pelbagai isu agar dapat meningkatkan kecintaan mereka terhadap negara.

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH (BATU SAPI)**
TARIKH	:	**8.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH (BATU SAPI) minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menilai semula polisinya dalam memberikan bantuan kewangan penuh kepada sekolah-sekolah seperti Sekolah Jenis Kerajaan (Cina) atau sekolah Kerajaan lain yang serupa dengannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan, dan KPM memberi peruntukan kepada semua aliran sekolah termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT) dan sekolah mubaligh. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), KPM telah memperuntukkan RM174.34 juta untuk SJKC dan RM64.84 juta untuk SJKT bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf. KPM juga telah memperuntukkan dana sebanyak RM100 juta bagi sekolah bantuan kerajaan.

Kerajaan juga memberikan sumbangan bantuan penuh kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan meliputi peruntukan mengurus yang

merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian bantuan per kapita (PCG), dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sumbangan ini diberikan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2007, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion kepada SJKC bagi tujuan tersebut.

SOALAN NO: 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGEH KOO HAM
(BERUAS)

TARIKH : 8 MEI 2008

SOALAN :

MINTA PERDANA MENTERI MENYATAKAN KENAPA LEBUHRAYA DARIPADA SIMPANG PULAI KE LUMUT YANG HENDAK DIMULAKAN KERJA SEJAK TAHUN 2000 MASIH BELUM DIMULAKAN?

JAWAPAN:

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, CADANGAN PEMBINAAN PROJEK LEBUHRAYA SIMPANG PULAI KE LUMUT *(LEBUHRAYA IPOH – LUMUT)* SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA JALAN SEDIADA IAITU JALAN PERSEKUTUAN 5 TELAH DITANGGUHKAN. INI BERDASARKAN KEPADA KAJIAN UNJURAN TRAFIK YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KEMENTERIAN INI, BAHAWA JALAN SEDIADA YANG SEDANG DINAIKTARAF MAMPU UNTUK MENAMPUNG TRAFIK SEKURANG-KURANGNYA SEHINGGA TAHUN 2016.

Soalan No. 20

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
SOALAN	:	

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan keberkesanan Program Lonjakan Mega Luar Bandar untuk

a) membebaskan Malaysia dari belenggu kemiskinan tegar; dan

b) mekanisme pelaksanaan program ini di Sabah yang mempunyai bukan sahaja kadar kemiskinan yang tinggi tetapi juga kawasan yang luas.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) adalah satu program pembangunan bersepadu dan komprehensif yang mempunyai matlamat **serampang 2 mata** iaitu **menghapuskan kemiskinan tegar luar bandar dan menjana serta mempercepatkan pembangunan di kawasan mundur, terpencil dan terbiar**. Program ini akan membawa satu transformasi pembangunan kepada kawasan mundur, terbiar dan terpencil.

PLMLB Kementerian adalah berkonsepkan agropolitan iaitu pembangunan satu penempatan pertanian yang dilengkapkan dengan infrastruktur asas dan kemudahan sosial yang akan memberi tumpuan kepada kegiatan ekonomi berasaskan pertanian.

Melalui program ini Kementerian mensasarkan seramai 10,000 Ketua Isi Rumah Miskin Tegar dapat dikeluarkan dari kepompong kemiskinan.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai soalan (b) pada masa kini mekanisme pelaksanaan program ini di Sabah ialah:

(i) kawasan yang akan dibangunkan yang dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri.

(ii) Kementerian melantik agensi di bawahnya seperti FELCRA Berhad sebagai agensi peneraju projek agropolitan di Negeri Sabah.

(iii) Kementerian akan menyalurkan peruntukan kepada agensi peneraju.

(iv) Mendapatkan kerjasama daripada kementerian/jabatan Kerajaan Persekutuan atau negeri yang berkaitan untuk membantu melengkapkan lagi pengisian pembangunan projek ini.

NO. SOALAN: 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BT. MOHD YUSOFF

TARIKH : 8 MEI 2008

SOALAN :

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [Rantau Panjang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan pelaksanaan dasar gaji minimum RM900. Jika tidak, apakah faktor-faktor yang menghalang pelaksanaan dasar ini.

PR-1211-L12698

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk menetapkan gaji minimum kebangsaan (*National Minimum Wage*) untuk semua pekerjaan dan sektor. Ini kerana penetapan gaji minimum kebangsaan akan memberi kesan kepada peningkatan kos menjalankan perniagaan di Malaysia dan seterusnya akan menjejaskan daya saing negara dalam menarik pelaburan asing di samping sukar untuk mengekalkan pelabur-pelabur sedia ada. Penetapan gaji minimum kebangsaan juga akan mengurangkan keuntungan syarikat serta membataskan keupayaan majikan untuk mengembangkan perniagaan mereka dan seterusnya akan mengurangkan penjanaan peluang-peluang pekerjaan yang baru.

Tiga cara yang digunapakai oleh Kerajaan untuk penetapan gaji adalah melalui kuasa pasaran (*market forces*), Perjanjian Kolektif *(Collective Agreement)* dan Majlis Penetapan

Gaji (MPG). Majlis Penetapan Gaji ditubuhkan di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 bagi golongan pekerja yang mudah terjejas (*vulnerable*) iaitu yang bekerja di sektor di mana tiada satu mekanisme yang berkesan dalam menetapkan gaji dan syarat pekerjaan. Sehingga kini, Kerajaan telah menubuhkan 11 MPG yang akan menetapkan gaji minimum dan syarat-syarat pekerjaan bagi golongan pekerja dalam sektor-sektor yang ditentukan. Kerajaan akan sentiasa mengkaji dan menentukan gaji minimum mengikut sektor pekerjaan, sekiranya terdapat keperluan untuk penubuhan tersebut.

SOALAN NO. (22)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH)

TARIKH : 8 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat mengadakan satu "ref erendum" mengenai cadangan untuk mengadakan pilihan raya di peringkat pihak berkuasa tempatan. Jika ya, bila "refere ndum" itu akan diadakan. Jika tidak, bagaimana Kementerian bercadang untuk mendapat pandangan orang ramai mengenai cadangan ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan belum berhasrat untuk mengadakan satu "referendum" mengenai cadangan mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan dengan mengambilkira undang-undang sedia ada serta kos yang terlibat. Kementerian sentiasa mendengar apa jua pandangan yang dikemukakan oleh orang ramai mengenai sebarang cadangan berhubung Pihak Berkuasa Tempatan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

Soalan No : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LEE CHEE LEONG (KAMPAR)

TARIKH : 8.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN LEE CHEE LEONG (KAMPAR) minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

a) adakah Kementerian akan membantu semua sekolah tanpa mengira aliran, sama ada SMK, SK, SJK(C), SMJK atau SJK (T); dan

b) Kementerian sedar bahawa terdapat rungutan di kalangan sekolah bantuan modal yang selalu mengalami kesulitan, mendapatkan peruntukan atau bantuan kewangan daripada Kementerian dan adakah Kementerian sedia melakukan perubahan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan, dan KPM memberi peruntukan kepada semua aliran sekolah termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT) dan sekolah mubaligh. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), KPM telah memperuntukkan RM174.34 juta untuk SJKC dan RM64.84 juta untuk SJKT bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf.

KPM juga telah memperuntukkan dana sebanyak RM100 juta bagi sekolah bantuan kerajaan.

Kerajaan juga memberikan sumbangan bantuan penuh kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan meliputi peruntukan mengurus yang merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian bantuan per kapita (PCG), dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sumbangan ini diberikan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung peruntukan kewangan bagi sekolah bantuan kerajaan, KPM sedia mempertimbangkan penambahan peruntukan kepada sekolah-sekolah bantuan kerajaan melalui kajian separuh penggal RMKe-9, namun ia adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan negara.

SOALAN 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)
TARIKH	:	8 MEI 2008
SOALAN	:	

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang dicadangkan untuk mengurangkan tempoh menunggu kes di mahkamah-mahkamah sivil dan jenayah yang sudah sampai ke tahap yang parah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kes tertunggak mempunyai maksud berbeza mengikut bidang kuasa sesuatu Negara. Secara amnya, jangka masa penyelesaian kes yang melebihi 12 bulan daripada tarikh permulaan kes sehingga penyelesaiannya dianggap sebagai kes-kes tertunggak.

Setakat Disember 2007, jumlah keseluruhan kes tertunggak di Mahkamah Tinggi ialah sebanyak 91,702, di Mahkamah Sesyen sebanyak 125,944 dan di Mahkamah Majistret adalah sebanyak 777,703.

Ini menunjukkan kita mempunyai kes-kes tertunggak yang banyak. Kes-kes sivil dan jenayah mengambil masa bertahun untuk diselesaikan. Dalam kes jenayah tertuduh mungkin berada dalam tahanan reman untuk tempoh masa yang lama bergantung kepada keadaan sesuatu kes. Semua ini menunjukkan situasi yang tidak memuaskan.

Kerajaan amat komited terhadap pembaharuan badan kehakiman. Oleh yang demikian Kerajaan bukan sahaja ingin meningkatkan status kebebasan kehakiman atau memperbaiki proses pelantikan kehakiman yang sedang diusahakan sekarang. Pembaharuan di peringkat mahkamah rendah (iaitu mahkamah majistret dan mahkamah sesyen) juga sama pentingnya, di mana kebanyakan kes-kes tertunggak tertumpu di peringkat mahkamah rendah memandangkan kebanyakan kes-kes dibicarakan di mahkamah rendah. Banyak pihak menyatakan bahawa mahkamah rendah adalah, dengan izin, *"public face of justice"* yang mendengar melebihi 90% kes-kes sivil, jenayah, kekeluargaan dan kanak-kanak. Di peringkat inilah terdapat anggapan ketidakadilan berlaku di kaca mata masyarakat.

Bagi menangani kes-kes tertunggak, Kerajaan mencadangkan pelan jangka masa pendek yang berikut:

Jawatankuasa Pelaksanaan Tertinggi

Jawatankuasa Pelaksanaan Tertinggi ini akan dipengerusikan oleh saya sendiri untuk melaksanakan cadangan bagi mengatasi punca-punca kes tertunggak. Anggota Jawatankuasa Tertinggi ini dapat membantu mempercepatkan pelaksanaan cadangan yang telah dibuat.

Pelbagai kajian mengenai kes tertunggak juga telah dibuat oleh pihak Kerajaan sendiri serta agensi yang berlainan seperti SUHAKAM dan Majlis Peguam, justeru itu, Jawatankuasa Tertinggi ini akan menyediakan satu pelan untuk melaksanakan cadangan tersebut.

Dalam konteks ini, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri telah pun menubuhkan Jawatankuasa Kerja Kes-kes Tertunggak di Mahkamah. Jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa kerja yang dianggotai oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran mahkamah.

Jawatankuasa Kerja ini mencadangkan perkara yang berikut sebagai langkah drastik bagi menangani kes-kes tertunggak:

1. Penstrukturan semula (*Reorganization*) semua perjawatan di mahkamah dari Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan ke bawah. Pada masa ini, cadangan pensturukturan semula mahkamah telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan. Diharapkan penstrukturan semula mahkamah dengan mendapat pertambahan jawatan yang mencukupi dapat membantu penjalanan mahkamah dalam mengendalikan kes-kes dengan lebih cekap dan teratur.

2. Cadangan penambahan bilangan hakim Mahkamah Tinggi agar jumlah kes-kes yang didengar seimbang dengan hakim yang mendengar kes. Sebagai contoh, seorang hakim di Mahkamah Tinggi Shah Alam mengendalikan sebanyak 5000 kes dihadapannya. Kerajaan juga bercadang untuk mengurangkan insiden penangguhan kes dengan cara penambahan bilangan majistret, pegawai pendakwa dan peguam bela yang mencukupi agar kes-kes tidak ditangguhkan berdasarkan alasan yang tidak munasabah. Cadangan ini juga melibatkan pertambahan infrastuktur mahkamah dan juga penambahan peguam-peguam bagi mengendalikan kes. Terdapat juga masalah di pihak peguam apabila bilangan hakim bertambah namun jumlah peguam yang menghadiri mahkamah merupakan peguam yang sama yang terpaksa menangguhkan kesnya di satu mahkamah untuk menghadiri perbicaraan di mahkamah yang lain.

3. Kerajaan juga perlu melihat cara-cara bagi memperbaiki proses penyiasatan khususnya untuk mempercepatkan proses penyiasatan dan juga proses mendapatkan analisis forensik. Sebagai contoh dalam kes-kes dadah, laporan kimia perlu diperoleh dengan segera daripada Jabatan Kimia. Ini hanya boleh dilakukan jika kita mempunyai teknologi yang canggih yang boleh membantu proses penganalisisan dengan cekap dan berkesan.

4. Kerajaan juga akan melihat cara untuk memperbaiki sistem pengurusan kes untuk meningkatkan penjadualan kes. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang bagi penambahbaikan sistem teknologi maklumat di Mahkamah seperti projek e-filing dan e-kehakiman. Terdapat kelemahan pada implementasi projek e-filing and e-kehakiman yang memerlukan tindakan susulan oleh Kerajaan yang akan dilaksanakan secepat mungkin. Di Sabah dan Sarawak pula, projek Court Report Transcription (CRT) iaitu pengambilan nota-nota keterangan dibuat pada masa yang sama keterangan diberikan di mahkamah yang sedang bersidang. Dengan cara ini, ia bukan sahaja akan mempercepatkan proses penyediaan alasan penghakiman bahkan akan dapat menguruskan kes dengan cara yang lebih berkesan.

5. Cadangan penambahbaikan skim perkhidmatan jurubahasa mahkamah. Masalah timbul apabila terdapat kekurangan jurubahasa yang bertauliah di mahkamah. Skim yang ada sekarang mungkin tidak menarik minat ramai untuk menyertai skim perkhidmatan jurubahasa kerana gaji yang diterima oleh jurubahasa adalah sama dengan gaji pembantu tadbir. Terdapat kecenderungan jurubahasa di mahkamah berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan dan menjadi jurubahasa bebas memandangkan elaun yang diterima amat kurang berbanding dengan fi yang diterima oleh seseorang jurubahasa bebas. Sebagai contoh seorang jurubahasa bebas boleh mendapat fi sebanyak RM500.00 sehari. Pada masa ini elaun bahasa diberikan mengikut kepakaran penguasaan bahasa dan bergantung kepada kepelbagaian bahasa yang dikuasai oleh seseorang jurubahasa. Oleh yang demikian, cadangan penambahbaikan kepada skim perkhidmatan jurubahasa secara langsung dapat melicinkan pengendalian kes-kes di mahkamah.

6. Cadangan supaya pihak-pihak yang terlibat dalam konflik tuntutan menyelesaikan kes melalui kaedah Mediasi. Sistem kehakiman yang diamalkan sekarang adalah berdasarkan sistem "*adversarial*" yang bersifat "*technical and contentious*". Untuk menyelesaikan sesuatu pertelingkahan masyarakat harus dididik untuk membuat penyelesaian pertelingkahan atau tuntutan melalui kaedah mediasi antara

pihak-pihak. Sebagai contoh, Bank Negara Malaysia mempunyai Biro Mediasi Kewangan (iaitu satu biro gabungan antara Biro Mediasi Perbankan dengan Biro Mediasi Insuran) yang berjaya menyelesaikan kes-kes kewangan tanpa dibawa ke mahkamah. Pada masa hadapan, Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak Biro Mediasi seperti ini untuk menangani konflik yang timbul daripada pelbagai pihak.

Pada masa sekarang, Kerajaan sedang melihat bagaimana kaedah Mediasi dapat digunakan secara menyeluruh dan efektif. Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pusat Mediasi (seperti Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur) sebagai satu alternatif penyelesaian kepada pertikaian kes-kes sebagai ganti Mahkamah.

Di Sabah dan Sarawak, pihak mahkamah sekarang telah secara aktif mencadangkan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian agar menggunakan kaedah mediasi secara sukarela. Ini telah banyak membantu mengurangkan kes tertunggak di Sabah dan Sarawak. Diharapkan penggunaan kaedah ini dapat mengurangkan beban mahkamah.

Selain itu, pihak mahkamah melalui Jawatankuasa Kaedah-kaedah Mahkamah sedang mengkaji untuk meminda kaedah-kaedah

Mahkamah Tinggi dan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah supaya mahkamah menggunakan satu kaedah yang sama dalam pengendalian kes di mahkamah bagi memudahkan tatacara mahkamah.

Bagi kes-kes rayuan yang melibatkan permohonan interlokutori pula, Pejabat Presiden Mahkamah Rayuan telah mengarahkan peguam melalui laman web Mahkamah Persekutuan untuk memberitahu mahkamah mengenai apa-apa permohonan interlokutori bagi tujuan memberi tarikh awal bagi pendengaran rayuan perkara tersebut. Ini dapat memendekkan tempoh menunggu bagi kes di Mahkamah Tinggi yang sedang berjalan.

Jabatan Peguam Negara juga telah mengambil langkah positif untuk menyelesaikan masalah ini dengan melantik Penolong Pendakwa Raya bagi membantu mempercepatkan pendakwaan kes-kes jenayah di mahkamah.

Yang DiPertua,

Kerajaan memandang serius masalah yang timbul akibat kes-kes tertunggak agar sistem mahkamah dapat memberi keadilan yang sewajarnya kepada pihak yang terlibat. Sehubungan dengan itu, semua pihak yang terlibat hendaklah berkerjasama agar kes-kes di mahkamah dapat dilupuskan dalam masa yang munasabah.

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)

TARIKH : 8 MEI 2008

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah aduan yang telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia sejak tahun 2004 berkenaan kehilangan nama pengundi dari Daftar Pemilih dan apakah punca ia berlaku dan juga bilakah nama-nama ini dapat dimasukkan semula dalam Daftar Pemilih.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SPR telah menerima sebanyak 235 aduan mengenai kehilangan nama pengundi dari daftar pemilih semenjak tahun 2004 hingga Mac 2008. Hasil siasatan telah dibuat oleh

SPR mendapati bahawa nama-nama pemilih tersebut telah dikeluarkan dari daftar pemilih disebabkan oleh beberapa faktor seperti status pemilih diragui di mana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengesahkan bahawa nombor kad pengenalan pemilih berkenaan tidak ada di dalam pangkalan data di JPN, nombor kad pengenalan pemilih adalah kepunyaan orang lain dan nombor kad pengenalan pemilih telah disahkan oleh JPN sebagai telah meninggal dunia.

Susulan daripada aduan-aduan tersebut, SPR telah merujukkannya kepada JPN untuk pengesahan kesahihan status masing-masing. Hasil siasatan yang dibuat oleh JPN mendapati bahawa 72 kes aduan adalah sebenarnya kesilapan pendataan dan rekod di JPN membuktikan mereka adalah warganegara Malaysia dan layak dimasukkan semula ke dalam daftar pemilih. Berasaskan kepada Peraturan 25 (1) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, Ketua Pendaftar telahpun memasukkan semula pemilih-pemilih tersebut yang merangkumi seramai 19 orang pada tahun 2004, 17 orang pada tahun 2007 dan 36 orang sehingga bulan Mac tahun 2008 ke dalam daftar pemilih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN telahpun mengesahkan seramai 149 pemilih lagi itu mempunyai bukti *prima facie* yang cukup untuk mengesahkan bahawa mereka adalah warganegara Malaysia dan nama-nama mereka layak dimasukkan kembali ke dalam daftar pemilih. Untuk ini, tindakan akan diambil oleh Ketua Pendaftar untuk memasukkan semula 149 nama-nama pemilih berkenaan ke dalam suku tahun kedua 2008. Manakala bakinya sebanyak 14 kes lagi itu sedang dalam siasatan pihak JPN untuk mengesahkan kesahihan maklumat samada mereka layak dimasukkan semula ke dalam daftar pemilih ataupun sebaliknya.

SOALAN NO. 26

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD. TAIB (BALING)**

TARIKH : **8 MEI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa tindakan Kerajaan Pusat mengarahkan ahli-ahli JKKK meletakkan jawatan untuk dilantik semula sebagai JKKP akan melanggar hasrat Kerajaan yang ingin melihat rakyat di luar bandar bersatu padu untuk melaksana pembangunan dan menjamin keselamatan rakyat sejagat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman YB., Kerajaan Pusat tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan kepada mana-mana ahli JKKK untuk meletakkan

jawatan mereka. Tindakan tersebut diambil atas initiatif JKKK terbabit tanpa sebarang gesaan dari Kerajaan Pusat termasuklah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Contohnya JKKK Negeri Perak mengambil tindakan meletakkan jawatan sebagai JKKK Selangor tidak pula berbuat demikian.

Untuk makluman YB juga, Kerajaan Pusat akan sentiasa memberi pertimbangan yang utama kepada soal keselamatan, perpaduan dan kesejahteraan rakyat dan negara dalam segala tindakannya.

SOALAN NO. : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI**
		(TITIWANGSA)
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
SOALAN	:	

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menangani masalah tempat letak kereta yang tidak mencukupi di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi masalah tempat meletak kereta di Hospital Kuala Lumpur yang sangat mendesak pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah pun merancang untuk melaksanakan projek menyediakan tambahan ruang tempat meletak kereta di tempat-tempat yang sesuai di sekitar kawasan hospital tersebut.

Pada masa ini, Hospital Kuala Lumpur memerlukan 3,000 petak letak kereta yang mana pada masa ini, hanya terdapat sejumlah 1,670 petak letak kereta dan daripada jumlah itu, 300 petak adalah dikhaskan untuk pelawat. Ini bermakna HKL masih memerlukan sebanyak 1,330 lagi petak letak kereta tambahan.

Sebagai strategi jangka pendek, Kementerian akan membina sebanyak 114 petak letak kereta dalam masa terdekat seterusnya akan disusuli dengan penambahan 194 petak letak kereta lagi bagi menjadikan keseluruhan 308 petak letak kereta pada tahun 2008. Sejumlah 500 lagi petak letak kereta akan dibina di atas tapak bangunan Wisma Kayu yang akan dirobohkan.

Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian melalui Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) akan membangunkan projek Hospital Wanita dan Kanak-kanak dan projek *Ambulatory Care Centre* (ACC) di tapak HKL. Melalui kedua-dua projek ini, Kementerian akan menyediakan tambahan sebanyak 1,341 petak letak kereta di HKL, di mana lima puluh peratus daripadanya akan dikhaskan untuk pelawat. Berdasarkan perancangan ini, masalah kekurangan tempat letak kereta di HKL akan dapat diatasi sepenuhnya menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu pada 2010.

No. Soalan: ~~15~~ 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHOW KON YEOW**

TARIIKH : **8 MEI 2008**

SOALAN

1. **TUAN CHOW KON YEOW (Tanjong)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mencegah sistem pajak dalam operasi perkhidmatan bas di negeri Pulau Pinang dan apakah langkah akan diambil untuk mewujudkan sistem perkhidmatan bas yang efisien dan mapan di negeri itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Jelutung bertarikh 14 Mei 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Seksyen 39 Akta LPKP 1987 (Akta 334), pemajakan lesen, serah hak atau menyebab dan membenar mana-mana orang lain menggunakan kenderaan yang dilesenkan adalah tidak dibenarkan kecuali dengan izin Lembaga LPKP. Pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan sistem perkhidmatan bas yang efisien dan mapan di Pulau Pinang. Antaranya:

(i) Mengadakan siri perbincangan dengan pelbagai *stake holder* seperti Kerajaan Negeri, pengusaha bas, wakil persatuan pengguna dan NGO. Sehingga kini sebanyak 10 siri perbincangan telah diadakan bagi menangani masalah pengangkutan bas awam di Pulau Pinang.

(ii) Mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat selaku EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Alam Sekitar pada 17 April 2008.

(iii) Mengadakan tindakan penguatkuasaan secara berterusan dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti JPJ dan PDRM termasuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dalam hal berkaitan lalulintas dan penggunaan terminal bas.

(iv) Tidak menimbang permohonan pembaharuan lesen bas jika terdapat saman-saman tertunggak dan bas berusia melebihi 15 tahun.

(v) Menstruktur semula semua laluan mengikut sistem pakej bagi setiap pengusaha yang dilaksanakan sejak April 2006. Di samping itu, mulai 31 Julai 2007 Rapid Penang Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatan menggunakan 150 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang dan Seberang Prai.

(vi) LPKP membuat pemantauan dan auditan ke syarikat operator bas bagi menyemak rekod berhubung pengambilan kakitangan syarikat termasuk pemandu, penyata kewangan dan penyata gaji, caruman KWSP dan PERKESO.

(vii) Menggesa semua pihak termasuk Kerajaan Negeri, MPPP dan NGO untuk memberikan bukti kegiatan pemajakan bagi membolehkan Kerajaan mensabitkan kesalahan pemajakan oleh operator bas.

NO: 29

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**850**

SOALAN : 29

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah urusniaga syarikat Dato' Othman Talib, Web Power Sdn.Bhd dengan PDRM merupakan percanggahan kepentingan terhadap jawatan beliau sebagai Ahli Suruhanjaya Pasukan Polis. Kenapakan Kementerian tidak mengambil tindakan terhadap beliau.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B Seputeh yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman, Pihak kementerian berpandangan bahawa wujudnya **'percangahan kepentingan'** di dalam perkara ini. Sehubungan dengan ini, Dato' Othman bin Talib **telah bersetuju untuk meletak jawatan** sebagai Ahli Suruhanjaya Pasukan Polis berdasarkan kepada **Perkara 143 (1) (c) Perlembagaan Persekutuan**.

SOALAN NO: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT]

TARIKH : 8 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan khusus yang diambil untuk meningkatkan penglibatan masyarakat India dalam ekonomi dan kenapakah pencapaian 3% ekuiti oleh masyarakat India telah pun ditunda daripada tahun 2010 seperti yang dirancang ke tahun 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah komited untuk memastikan pencapaian matlamat bagi meningkatkan pemilikan ekuiti oleh etnik India kepada 3 peratus menjelang tahun 2020. Usaha meningkatkan pemilikan ekuiti India dalam sektor korporat akan terus diberi penekanan oleh Kerajaan dengan memperkenal dan melaksanakan langkah-langkah yang lebih berkesan. Walaupun peratusan pemilikan berkurang daripada 1.5 peratus pada tahun 2000 kepada 1.2 peratus pada tahun 2004, modal saham kumpulan etnik

India dalam sektor korporat sebenarnya telah meningkat sebanyak RM1,255.8 juta atau sebanyak 24.4 peratus dalam tempoh 2000-2004.

Pelbagai program telah dan akan dijalankan bagi membantu meningkatkan penyertaan etnik India di dalam semua sektor ekonomi. Bagi menggalakkan lagi komuniti India menceburi bidang perniagaan, akses kepada bantuan kewangan dan program latihan akan diperluas kepada usahawan masyarakat India yang berpotensi dan berkemampuan. Selain dari itu, lesen perniagaan telah diberi bagi menjamin penyertaan yang lebih besar masyarakat India di dalam aktiviti perniagaan dan seterusnya meningkatkan pemilikan ekuiti di dalam sektor korporat.

Di samping itu, lebih banyak peluang akan disediakan kepada komuniti India untuk menyertai skim saham amanah **Permodalan Nasional berhad (PNB) seperti Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Gemilang (ASG) dan Amanah Saham Nasional 3 (ASN 3) serta tabung-tabung amanah yang diuruskan oleh pihak swasta.** Terdapat peningkatan ketara di dalam jumlah unit skim amanah yang dikendali oleh pihak PNB yang dimiliki oleh kaum India iaitu daripada 262 juta unit amanah saham pada tahun 2004 kepada 598.9 juta unit amanah saham pada tahun 2007, peningkatan sebanyak 128.9 peratus.

Dibawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9), Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai program khas bagi membantu masyarakat India menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Antaranya adalah:

a. Meningkatkan Peluang Untuk Latihan Kemahiran

i) Latihan kepada seramai 488 peserta di bawah Kolej Komuniti pada tahun 2005-2006;

ii) Latihan kepada seramai 431 peserta di bawah Pusat GiatMARA pada tahun 2005-2006;

iii) Latihan kepada seramai 397 peserta di bawah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia pada tahun 2005-2006;

iv) Latihan kepada seramai 137 peserta di bawah Institut Kemahiran Belia Negara/Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara pada tahun 2005-2006;

v) Latihan kemahiran kepada 360 peserta di tiga institut latihan kemahiran negeri pada tahun 2007; dan

vi) Peluang latihan kepada 1,000 pelajar pada tahun 2008 di enam institut latihan (lima institut negeri dan Pusat GiatMARA).

b. Meningkatkan Ekuiti Dan Pembangunan Usahawan

i) Peruntukan sebanyak RM3 juta disalurkan kepada Yayasan Tekun Nasional (TEKUN) untuk melaksanakan Skim Pembangunan Usahawan Muda India (YEIDS) dengan

pinjaman tidak melebihi RM10,000 setiap peminjam kepada golongan muda India yang ingin memulakan perniagaan;

ii) Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) juga menyediakan Latihan Keusahawanan Untuk Kaum India sebagai satu program pembangunan usahawan India dengan peruntukan sebanyak RM300,000 untuk tahun 2006 dan RM150,000 untuk tahun 2007. Jumlah peserta yang telah menerima latihan di bawah skim latihan ini ialah seramai 4,627 orang iaitu 1,240 orang dalam tahun 2006 dan 3,387 orang dalam tahun 2007;

iii) Sehingga Mac 2008, seramai 616 sahabat dari kalangan kaum India mendapat faedah daripada kredit mikro dibawah skim Amanah Ikhtiar Malaysia dengan jumlah pinjaman sebanyak RM3.46 juta; dan

iv) Di samping itu, banyak peluang telah disediakan kepada masyarakat India untuk menyertai skim saham amanah Permodalan Nasional berhad (PNB) seperti Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Gemilang (ASG) dan Amanah Saham Nasional 3 (ASN 3) serta tabung-tabung amanah yang diuruskan oleh pihak swasta. Terdapat peningkatan ketara di dalam jumlah unit skim amanah yang dikendali oleh pihak PNB yang dimiliki oleh kaum India iaitu daripada 262 juta unit amanah saham pada tahun 2004 kepada 598.9 juta unit

amanah saham pada tahun 2007, peningkatan sebanyak 128.9 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran pencapaian kaum India perlu diubah bagi memastikan tempoh pencapaian sasaran yang lebih realistik serta mengambilkira kapasiti masyarakat India untuk melabur dalam sektor korporat. Atas alasan yang sama, sasaran 30 peratus ekuiti Bumiputera juga telah diubah kepada tahun 2020.

SOALAN NO: 31

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ISMAIL BIN KASSIM (ARAU)

TARIKH : 8 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN : DATUK ISMAIL BIN KASSIM (ARAU)

minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan:

Bagaimanakah pihak kerajaan memastikan sekuriti makanan komoditi sensitif seperti beras terjamin bekalannya memandangkan pertumbuhan marginal pengeluaran beras menampilkan penurunan

dibandingkan dengan era 1970an dan 1980an, di mana menjelang awal 1990an, kadar sara diri beras negara telah menurun kepada 73%.

JAWAPAN

Kadar sara diri beras negara telah meningkat daripada 65% pada tahun 2000 kepada 73% dalam tahun 2007 dan akan dipertingkatkan lagi kepada 80% menjelang tahun 2010. Dalam tahun 2010 pengeluaran padi negara dianggarkan sebanyak 2,548 juta metrik tan dan jumlah pengeluaran beras pula adalah sebanyak 1,783 metrik tan.

Bagi memastikan bekalan beras terjamin negara terjamin, strategi yang akan dilaksanakan oleh kerajaan adalah:-

A. TINDAKAN *'QUICK WIN'*

1. Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran

i. Menjalankan pembersihan saluran air secara berkala sekurang-kurangnya 3 kali untuk pengairan, 4 kali untuk parit, berbanding dengan setahun berbanding 2 dan 3 kali setahun pada masa ini di kawasan jelapang dan di luar kawasan jelapang padi.

ii. Menyelenggara dan membaiki pintu kawalan air yang sedia yang melebihi 15 tahun dan yang tidak berfungsi.

iii. Menyelenggara dan membaiki saluran air yang kurang sempurna.

iv. membaiki dan mengganti pam air dan rumah pam yang berumur melebihi 15 tahun.

v. Mempertingkatkan rangkaian jalan ladang sedia ada di kawasan jelapang dan luar jelapang untuk mempertingkatkan kecekapan pengurusan ladang.

2. Perataan Tanah Sawah

i. Melaksanakan aktiviti perataan tanah (minor land levelling) untuk meningkatkan kecekapan Amalan Pertanian Baik (GAP).

ii. Membina dan membaiki saluran-saluran air peringkat ladang, batas-batas ladang dan pintu kawalan air dalam petak sawah.

3. Peningkatan Kesuburan Tanah

i. Mengurangkan kemasaman tanah melalui pengapuran.

ii. Meningkatkan keupayaan pegangan nutrien dalam tanah melalui penggunaan perapi tanah (soil conditioner).

iii. Menambah pembekalan nutrien melalui bekalan baja NPK tambahan bagi meningkatkan hasil.

4. Kawalan Makhluk Perosak

i. Membantu peladang mengawal dan mengurangkan kerosakan akibat serangan musuh dan penyakit yang mengancam pengeluaran padi seperti siput gondang emas, tikus, bena perang, karah, hawar dan lain-lain mengikut keperluan setempat.

ii. Membantu peladang mengawal dan mengurangkan infestasi padi angin dan rumput rumpai.

5. Pemilikan Jentera Dan Mekanisasi Ladang

i. Menyediakan perkhidmatan pembajakan dan penuaian melalui pemberi perkhidmatan (service provider) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

ii. Menggalakkan pemilikan jentera kecil seperti power tiller, motorized sprayer, blower dan bush cutter melalui skim pemilikan jentera kecil secara *'matching grant'* pada kadar 50% pembiayaan daripada kerajaan.

iii. Memastikan sekurang-kurangnya 40% menjelang akhir 2010 keperluan jentera pertanian seperti traktor 4 roda, jentuai dan jentanam (Transplanter) secara sewaan kepada petani di kawasan jelapang dan luar jelapang.

iv. Menyediakan pembiayaan jentera sederhana dan besar melalui pinjaman Agro Bank sebanyak RM 70 juta kepada petani-petani.

6. Kempen Meningkatkan Kesedaran Pesawah untuk Mengurus dan Meningkatkan Pengeluaran padi

i. Setiap agensi diwajibkan mengadakan dan mempergiatkan kempen peningkatan hasil padi melalui Amalan Pertanian Baik (GAP) pada setiap musim.

ii. Memberi penerangan dan taklimat kepada petani mengenai kaedah pengurusan yang baik bagi meningkatkan hasil pengeluaran dan produktiviti.

iii. Meningkatkan kesedaran dan penyertaan peladang di dalam pengurusan penanaman padi berpusat (secara estet).

iv. Meningkatkan kesedaran kepada petani untuk menjadi usahawan yang berjaya dalam industri padi dan beras (huluan dan hiliran).

B. TINDAKAN JANGKA SEDERHANA DAN JANGKA PANJANG

1. Khidmat Sokongan Penyelidikan dan Promosi Teknologi

i. Meningkatkan keupayaan dan kecekapan pembekalan biji benih, pembaik baka dan biji benih asas.

ii. Mempromosikan teknologi-teknologi untuk mengatasi masalah-masalah pengeluaran bagi meningkatkan produktiviti padi.

iii. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan agen-agen pengembangan dan petani-petani.

2. Pembangunan Infrastruktur Saliran Dan Pengairan

i. Pembangunan sumber air baru di kawasan jelapang dan di luar

jelapang seperti pembinaan kolam takungan air, telaga tiub, penggunaan semula air dan pembelian pam air.

ii. Mempertingkatkan kepadatan infrastruktur pengairan dan saliran ke tahap yang optima di kawasan-kawasan jelapang dan luar jelapang seperti MADA mempertingkat kepadatan dari 18m/ha kepada 30m/ha.

iii. Membina rangkaian jalan ladang baru untuk meningkatkan kecekapan pengurusan ladang.

iv. Pengawalan banjir di kawasan pertanian dengan pembinaan ban-ban penghalang banjir di kawasan jelapang dan di luar jelapang.

v. Kaedah pelaksanaan projek-projek di bawah pembangunan infrastruktur saliran dan pengairan ini ialah secara reka dan bina serta tawaran terbuka.

3. Program Jelapang Padi Sabah

i. Menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada Kementerian Pertanian dan Makanan Sabah dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia untuk menyelaras dan memandu perlaksanaan projek komersil padi di Sabah.

ii Pembukaan kawasan-kawasan baru jelapang padi secara komersial bagi meningkatkan pengeluaran beras negara.

iii Membangunkan Program Pengeluaran Benih Padi Sah di Sabah mulai tahun 2009.

4. Program Jelapang Padi Sarawak

i. Menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada Kementerian Pertanian dan Makanan Sarawak dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia untuk menyelaras dan memandu perlaksanaan projek komersil padi di Sarawak.

ii Pembukaan kawasan-kawasan baru jelapang padi secara komersial bagi meningkatkan pengeluaran beras negara.

iii Membangunkan Program Pengeluaran Benih Padi Sah di Sarawak mulai tahun 2009.

C. SASARAN OUTPUT

Sasaran output bagi Program Peningkatan Hasil Padi bagi tempoh 2008 – 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Pengeluaran Padi (mt)	Pengeluaran Beras (mt)	SSL (%)
2007	2.316	1.596	72.2
2008	2.518	1.637	73.4
2009	2.670	1.740	75.0
2010	2.738	1.780	80.0

No: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN LOKE SIEW FOOK**
TARIKH	:	**8 MEI 2008 (KHAMIS)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.32**

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar universiti tempatan mengikut pecahan kaum dan tahun akademik yang mereka berada dan langkah-langkah Kementerian untuk menambah peluang yang sama rata kepada semua pemohon yang layak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar di IPTA bagi tahun 2007 ialah seramai 382,997 pelajar yang terdiri daripada 79.7% pelajar Bumiputra, 12% pelajar Cina, 3.2% pelajar India, 1.4% pelajar lain-lain kaum dan 3.7% pelajar Antarabangsa.

Bagi menambah peluang sama rata kepada semua calon yang layak, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian di antaranya:

i. Melaksanakan dasar meritokrasi bagi pemilihan kemasukan ke IPTA yang digunanpakai mulai sesi akademik 2002/2003;

ii. Menjalankan Program Kementerian Pengajian Tinggi bersama Rakyat di seluruh negara dan memperkenalkan program pengajian yang terdapat di IPT, Politeknik dan Kolej Komuniti di peringkat sekolah;

iii. Memperluaskan liputan iklan permohonan IPT, Politeknik dan Kolej Komuniti di akhbar peringkat nasional seperti Utusan Malaysia, New Straits Times dan juga akhbar peringkat tempatan di Sabah dan Sarawak; dan

iv. Menyebarkan maklumat mengenai permohonan ke IPT, Politeknik dan Kolej Komuniti melalui rangkaian internet bagi memastikan capaian yang lebih luas.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil, Kementerian yakin akan dapat menimbulkan minat pelajar yang layak terutamanya pelajar bukan Bumiputra untuk pengikuti pengajian di IPT, Politeknik dan Kolej Komuniti, disamping setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum akan mendapat peluang akses yang sama.

NO. SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN (PAPAR)

TARIKH : 8 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini projek mega Koridor Sabah (*Sabah Development Corridor*) dengan menyatakan dengan jelas sumber-sumber pelaburan, faedah-faedah jangka panjang serta kajian sosio-ekonomi yang telah dijalankan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, seperti mana koridor-koridor pembangunan lain, satu Pelan Induk juga telah disediakan sebagai panduan untuk memacu pembangunan di Koridor Pembangunan Sabah (SDC) ini. Secara umumnya, matlamat penubuhan SDC ini seperti yang digariskan dalam pelan Induk SDC tersebut adalah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan membasmi kemiskinan negeri. Bagi mencapai matlamat ini, enam sektor utama telah dikenalpasti untuk dimajukan di bawah SDC iaitu pertanian; pembuatan; perkhidmatan

pelancongan dan logistik; pembangunan sumber manusia; pembangunan sosial; dan alam sekitar. Secara umumnya, dari segi **faedah-faedah jangka panjang,** seperti mana yang terkandung dalam Pelan Induk SDC, pembangunan SDC ini dijangka akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat bagi Negeri Sabah di samping menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti hidup kepada penduduk Sabah.

Setakat ini, memandangkan SDC baharu sahaja dilancarkan pada awal tahun ini, maka adalah masih terlalu awal untuk kita melihat **perkembangan terkini atau kejayaan pelaksanaan** setiap program dan projek SDC yang telah dirancang dalam Pelan Induk SDC tersebut. Malah, program-program dan aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam Pelan Induk SDC tersebut belumpun dilaksanakan lagi secara fizikalnya. Namun begitu, walaupun baharu dilancarkan dua bulan yang lalu, kejayaan yang dicapai semasa pelancaran pembangunan SDC adalah membanggakan terutamanya dalam menarik potensi pelaburan ke SDC. Sebagai contoh, semasa pelancarannya, SDC telah menerima pelaburan bernilai RM18 bilion berikutan daripada 13 perjanjian (MoU) yang ditandatangani dengan syarikat-syarikat daripada luar negara bagi pelbagai projek seperti dalam perumahan, hotel, *waterfront city*, pelabuhan, pelancongan dan terminal kereta api. Setakat ini, pihak Kerajaan Negeri Sabah sedang berusaha untuk merealisasikan cadangan projek-projek yang dicadangkan di bawah Pelan Induk SDC berkenaan. Memandangkan SDC ini baharu sahaja dilancarkan maka **kajian-kajian sosio-ekonomi** yang dicadangkan pun belum ada yang dijalankan. Namun mengikut maklumat terkini yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah, usaha awal seperti

perundingan dengan beberapa pihak juruperunding telah dimulakan bagi melaksanakan beberapa kajian yang telah dikenalpasati dalam SDC berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi **sumber-sumber pelaburan** pula, seperti mana koridor pembangunan yang lain, projek pembangunan Koridor Pembangunan Sabah ini juga sebahagian besarnya akan dilaksanakan oleh sektor swasta manakala Kerajaan pula akan membantu pelaksanaannya dengan menyediakan kemudahan prasarana dan infrastruktur sewajarnya. Berdasarkan maklumat seperti terkandung dalam Pelan Induk SDC, anggaran jumlah pelaburan keseluruhan yang diperlukan untuk membangunkan SDC bagi tempoh 18 tahun pembangunannya sehingga tahun 2025 ialah sebanyak RM115 bilion. Dalam hal ini, sumber kewangan yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek SDC ini adalah dari beberapa sumber iaitu daripada sumber awam iaitu Kerajaan, sektor swasta, serta melalui inisiatif pembiayaan swasta atau dengan izin, *Private Finance Initiative* (PFI). Mengikut cadangan Pelan Induk SDC, secara terperincinya, daripada jumlah RM115 bilion ini, 29.3 peratus (RM33.7 bilion) akan dibiayai oleh sektor swasta, 28.6 peratus (RM32.9 bilion) melalui PFI dan bakinya 42.1 peratus (48.4 bilion) oleh Kerajaan.

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**851**

SOALAN : 34

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan data Indeks Jenayah dari tahun 2005 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah jenayah indeks bagi tahun 2005 adalah sebanyak 157,459 kes; tahun 2006 pula, adalah sebanyak 188,453 kes atau peningkatan sebanyak 19.7%; tahun 2007 adalah sebanyak 209,659 kes atau peningkatan sebanyak 11.2%. Manakala untuk tahun 2008 (bagi tempoh Januari hingga Mac), adalah sebanyak 54,379 kes.

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)
TARIKH	:	8 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memulihkan sistem pilihan raya kepada Kerajaan Tempatan. Jika ya, beri butir. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

NO SOALAN : 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)**
TARIKH	**:**	**8 MEI 2008 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Malaysia mempunyai sebarang bentuk perjanjian pertahanan atau perjanjian dua hala dengan Amerika Syarikat untuk mengizinkan armada perang negara tersebut yang lengkap dengan senjata nuklear berlabuh di Pelabuhan Klang dan jika benar, sejak bila perjanjian itu dibuat, apa alasan-alasannya serta sudah berapa kalikah armada perang Amerika Syarikat berlabuh di Pelabuhan Klang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia tidak mempunyai sebarang bentuk perjanjian pertahanan dengan Amerika Syarikat untuk mengizinkan armada perang negara tersebut yang lengkap dengan senjata nuklear berlabuh di Pelabuhan Klang.

Walau bagaimanapun semenjak tahun 2001 sehingga 2007, Malaysia telah mengizinkan 22 kali bagi 22 buah kapal perang Amerika Syarikat membuat persinggahan di Pelabuhan Klang. Kapal-kapal perang ini tidak ada sama sekali membawa apa-apa senjata nuklear melainkan 5 buah kapal daripadanya menggunakan tenaga nuklear yang mana hanya sebagai bahan bakar untuk menjana sumber tenaga bagi menggerakkannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan dengan kemasukan 5 buah kapal perang yang menggunakan tenaga nuklear ini berlabuh di pelabuhan negara, ianya dibuat adalah selepas mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa negara. Ini adalah sejajar dengan peruntukan Artikel 7 dalam Triti Zon Bebas yang ditandatangani pada 15 Disember 1995 di Bangkok. Mengikut Artikel 7 ini, tiap-tiap negara yang terlibat dengan triti

berkaitan adalah diberi kuasa budi bicara sama ada untuk membenarkan lawatan oleh kapal asing.

Soalan No. 37

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**
(SUNGAI SIPUT)

TARIKH : **8 MEI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapakah peratus daripada pendapatan projek-projek perladangan di atas tanah simpanan Orang Asli sebenarnya dinikmati oleh masyarakat Orang Asli.

Jawapan:

Untuk makluman Yang Berhormat, seluas 24,000 hektar tanah milik Orang Asli telah dimajukan dengan tanaman komersial. Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (JHEOA) telah melantik FELCRA dan RISDA sebagai pengurus projek perladangan tersebut.

Kesemua pendapatan ladang dinikmati seratus peratus di kalangan peserta Orang Asli setelah ditolak kos operasi ladang. Berpandukan kepada harga semasa buah tandan segar sawit (BTS), 70 peratus daripada harga BTS dinikmati oleh peserta manakala 30 peratus lagi dijadikan kos operasi penyenggaraan ladang tersebut.

Sehingga kini pendapatan bersih hasil pengeluaran ladang adalah melebihi RM97 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak 10,000 peserta Orang Asli mendapat dividen melebihi RM800 sebulan.

Dalam masa yang sama, JHEOA sentiasa menggalakkan peserta Orang Asli untuk turut sama terlibat secara aktif dalam pengurusan ladang mereka sebagai mandur, pengawal keselamatan dan buruh ladang. Mereka akan menerima manfaat tambahan dalam bentuk upah bekerja selain dari faedah dividen yang diterima setiap bulan. Selain itu, peluang-peluang kontrak kerja di ladang seperti kontrak menuai buah dan penyelenggaraan kawasan juga ditawarkan kepada peserta Orang Asli yang berminat dan berkemampuan.

NO. SOALAN : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 8 MEI 2008

NO. RUJUKAN : 852

SOALAN: 38

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) Bilangan remaja berumur antara 10-25 di kawasan Lembah Pantai yang ditangkap di bawah Akta Dadah Merbahaya pada tahun 2007 mengikut pecahan jantina dan kaum; dan

(b) dari jumlah di atas berapa ramai yang masih berada di pusat pemuliharaan dan pendekatan bantuan yang telah diambil terhadap remaja dan keluarga mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman, tiada rekod khusus untuk penagih yang dikesan di Lembah Pantai yang direkod di dalam Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI). Walau bagaimanapun, penagih-penagih dari Lembah Pantai yang dikesan serta direkodkan mengikut kawasan pentadbiran polis di Daerah Brickfields. Pada tahun 2007, seramai 35 orang penagih yang berusia di antara 10-25 tahun telah di kesan di Brickfields. Daripada jumlah ini, 31 orang (88.57%) adalah Melayu, 3 orang (8.57%) adalah India dan seorang (2.86%) lain-lain bangsa. Dari segi jantina pula, kesemua remaja yang dikesan merupakan lelaki.

(b) Daripada 35 orang penagih remaja yang dikesan, hanya 11 orang sahaja yang sedang menjalani program rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Serenti di Malaysia. Manakala 24 orang penagih remaja pula mengikuti program rawatan dan pemulihan dalam komuniti.

Pendekatan bantuan dan program diambil untuk program rawatan dan pemulihan penagih remaja di dalam Pusat-pusat serenti tersebut ialah;

i) Program Rawatan Perubatan dan Kesihatan;

ii) Program Kaunseling dan Bimbingan;

iii) Pendidikan Agama dan Moral;

iv) Program Latihan Kemahiran dan Vokasional;

v) Program Pendidikan Sivik dan Tatanegara;

vi) Program Latihan Pemulihan Fizikal dan Disiplin;

vii) Program Sukan dan Riadah;

viii) Program Pendidikan Formal;

ix) Program Integrasi Semula Dalam Masyarakat; dan

x) Penubuhan "Family Association"

- membantu keluarga penagih dadah (di dalam komuniti atau pusat serenti) yang menghadapi masalah penagihan dadah

Di antara aktiviti lain yang dijalankan ialah ceramah, lawatan, perkongsian pengalaman, pengetahuan tentang pencegahan penagihan semula, peluang-peluang pekerjaan dan kemahiran yang boleh diperolehi oleh bekas penagih dalam mengekalkan kepulihan mereka.

SOALAN NO. 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN FONG KUI LUN**
KAWASAN	:	**BUKIT BINTANG**
TARIKH	:	**08.05.2008 (KHAMIS)**

SOALAN:

Y.B. TUAN FONG KUI LUN minta Y.B. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan lambakan barangan import yang tidak bermutu di pasaran Malaysia yang menjejaskan kesihatan dan kehidupan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kemasukan barangan import yang tidak bermutu yang menjelaskan kesihatan dan kehidupan rakyat ke Malaysia dikawal melalui penggunaan standard. Standard mandatori diguna pakai untuk memastikan hanya produk berkualiti diimport dan dikeluarkan oleh pengilang tempatan. Mekanisma ini telah digunapakai di kebanyakan negara sebagai satu cara untuk memantau atau menafikan

kemasukan produk import atas sebab keselamatan pengguna, kesihatan, penjagaan alam sekitar, dan sebagainya.

Setakat ini sejumlah 5,060 standard telah dibangunkan di Malaysia dan sebanyak 2,860 adalah menepati standard antarabangsa dan daripada jumlah ini sebanyak 127 telah dijadikan mandatori. Standard mandatori di Malaysia meliputi bidang – bidang seperti:

- makanan dan pertanian;
- kimia;
- kejuruteraan awam dan pembangunan;
- elektroteknikal;
- kejuruteraan mekanikal;
- petroleum dan gas;
- keselamatan dan perlindungan kebakaran;
- besi dan keluli;
- getah dan produk getah; dan
- pengangkutan jalanraya.

Penguatkuasan standard mandatori ini adalah tertakluk kepada pindaan undang – undang tertentu. Contohnya, penguatkuasaan standard mandatori MS ISO 13006 bagi seramik dan MS 888 untuk simen pada 12 Februari 2004 adalah tertakluk kepada pewartaan Perintah Kastam dibawah peruntukan Akta Kastam 1967.

Tuan Yang Di Pertua,

MITI akan terus mengadakan konsultasi bersama industri mengenai barangan perkilangan yang perlu menggunapakai standard mandatori. Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut

berperanan memantau kemasukan bagi produk makanan ke dalam negara adalah selamat dan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Manakala, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bertanggungjawab dalam memantau kemasukan produk yang tidak bermutu serta merbahayakan kesihatan pengguna di negara ini melalui Seksyen 19(4) dan 23 Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999.

****

SOALAN NO. 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]

TARIKH : 8/5/2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan jangka panjang Kerajaan bagi golongan kurang upaya supaya mereka benar-benar dapat hidup berdikari.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai 220,250 orang. Perancangan jangka panjang bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mereka hidup berdikari telahpun digariskan dalam Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Nasional bagi Orang Kurang Upaya. Strategi dan program yang terkandung di dalam dokumen tersebut mengambil kira pelbagai aspek kehidupan OKU seperti advokasi,

kesihatan, pemulihan, aksesibiliti, pendidikan, pekerjaan, keselamatan diri dan perlindungan sosial, perkhidmatan sokongan, penglibatan masyarakat, dan perumahan.

Di samping itu, Akta Orang Kurang Upaya 2007 telah diwartakan pada 24 Januari 2008 yang menekankan kepada kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan sama seperti anggota masyarakat yang lain. Ketiga-tiga dokumen ini adalah berasaskan hak atau rights-based, dengan izin, bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak OKU yang telah ditandatangani oleh Malaysia pada 8 April 2008. Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2007, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya akan diwujudkan. Jabatan ini akan menjadi paksi utama ke arah kesejahteraan OKU.

Pelaksanaan program yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) merupakan perancangan jangka masa panjang Kerajaan bagi kesejahteraan golongan OKU yang merupakan **tanggungjawab bersama** pelbagai pihak termasuklah agensi kerajaan, sektor swasta, sektor pertubuhan sukarela dan masyarakat.

NO SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DR. MOHD PUAD BIN ZARKASHI**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan bentuk reformasi terhadap sistem kehakiman yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Perkara utama ialah untuk mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman kerana terdapat persepsi umum yang mengatakan badan kehakiman tidak bebas daripada kuasa Eksekutif. Justeru itu, untuk mengembalikan keyakinan rakyat, Kerajaan akan memastikan doktrin pengasingan kuasa antara Eksekutif, Kehakiman dan Perundangan akan terus diamalkan di negara ini.

Salah satu bentuk reformasi yang telah diumumkan oleh Kerajaan ialah penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang merupakan suatu Suruhanjaya bebas yang berfungsi sebagai badan yang memperakukan nama-nama calon hakim yang berkelayakan berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan oleh SPK kelak.

Selain itu, bagi mengatasi masalah kes tertunggak di mahkamah, Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan Jawatankuasa Kes-Kes Tertunggak bagi melaksanakan pelbagai cadangan yang difikirkan sesuai bagi menangani kes-kes tertunggak. Salah satu cadangan tersebut ialah penstrukturan semula mahkamah dari aspek perjawatan dan infrastruktur agar penjalanan pentadbiran mahkamah berjalan lancar.

NO: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH**
TARIKH	:	**8 MEI 2008 (KHAMIS)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.42**

Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rasionalnya Kementerian mengenakan syarat deposit sebanyak RM3,000 bagi keluarga yang berpendapatan lebih RM2,000 sebulan dan RM500 bagi mereka yang kurang untuk melayakkan memohon pinjaman PTPTN dan juga dikenakan kadar faedah sebanyak 6% setahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenakan syarat deposit sebanyak RM3,000 bagi keluarga yang berpendapatan lebih RM2,000 sebulan dan RM500 bagi mereka yang kurang untuk melayakkan memohon pinjaman PTPTN bertujuan meningkatkan budaya menyimpan di kalangan rakyat serta perkongsian beban kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi antara kerajaan dan ibu bapa.

Sebagai insentif kepada syarat wajib simpanan dalam SSPN, pelepasan cukai maksima sebanyak RM3,000 setahun diberikan

kepada mereka yang berpendapatan melebihi RM2,000 sebulan. Bagi keluarga yang berpendapatan RM2,000 sebulan dan ke bawah, geran sepadan akan diberikan atas jumlah maksima RM10,000 tertakluk kepada jumlah dan tempoh simpanan.

Di samping itu, Kementerian Pengajian Tinggi sedia mempertimbangkan kelonggaran syarat bagi keluarga yang dapat membuktikan bahawa mereka benar-benar miskin dan tidak mampu membuat simpanan.

Untuk makluman Yang Berhormat, PTPTN hanya mengenakan kos perkhidmatan sebanyak 3 peratus dan bukannya 6 peratus.

NO: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MATULIDI BIN JUSOH**
TARIKH	:	**8 MEI 2008 (KHAMIS)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.43**

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan memberi fokus kepada Pusat-Pusat Pengajian Tinggi sebagai pusat penerangan dan penyelidikan dalam menjayakan ECER.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan projek Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) merupakan satu projek nasional yang penting dalam usaha untuk membangunkan wilayah tersebut, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sememangnya memberi fokus kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam menjayakannnya. Ini adalah kerana selain daripada membawa kepada "wealth creation" dan pembangunan kepada rakyat, matlamat projek ECER juga adalah kesepakatan dan kerjasama kepakaran sedia ada daripada semua IPT dalam lingkungan ECER bagi menjayakan projek mega ekonomi tersebut. Pelaksanaan projek ECER adalah amat relevan dan signifikan dengan IPTA

memandangkan tenaga kepakaran dan ilmu yang sedia ada boleh disumbangkan untuk manfaat bersama. Dalam hubungan itu, Kementerian telah mengenalpasti lima universiti iaitu Universiti Darul Iman (UDM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Pahang (UMP), dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menyumbang kepada Pelan Induk ECER yang meliputi bidang pelancongan, minyak, gas dan petrokimia, pembuatan, pertanian dan pendidikan. IPTA-IPTA ini akan menyumbang kepada "Research and Development" (R&D) bagi menjayakan ECER.

NO. SOALAN : 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Puan Teresa Kok Suh Sin

TARIKH : 8 Mei 2008

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah penganut Islam yang ingin keluar daripada Islam yang dimasukkan dalam pusat pemulihan sejak tahun 2005. Berapakah di antara mereka masih ingin keluar daripada pusat pemulihan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, tidak ada pusat pemulihan yang khusus bagi orang Islam yang ingin keluar dari Islam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)**
TARIKH	:	**8.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN CHE UDA BIN CHE NIK (SIK) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan suruhanjaya diraja bagi memastikan sistem pendidikan negara yang didapati tidak mantap dan selalu berubah mengikut keadaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk menubuhkan suruhanjaya diraja bagi memantapkan sistem pendidikan negara. Walaupun demikian, KPM mengambil pendekatan berfokus dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas dari semasa ke semasa seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 144 untuk menasihati menteri dalam perkara-perkara spesifik berkaitan dengan pendidikan.

Untuk makluman, pengerusi serta ahli jawatankuasa khas yang dilantik adalah terdiri daripada cendekiawan yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam pendidikan khususnya terhadap perkara-perkara spesifik yang dibincangkan.

Selain daripada itu, Y.B. Menteri Pelajaran juga dari semasa ke semasa mempengerusikan mesyuarat yang dihadiri oleh pelbagai pihak awam, swasta

dan kesatuan supaya pihak-pihak tersebut dapat menyampaikan pandangan dan pendapat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan.

Rjm 32

LAMPIRAN D

SOALAN 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
SOALAN	:	**Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:-** apakah rasional di sebalik pembatalan semua memorandum persefahaman (MoU) berkaitan program pelancongan antara Kerajaan Pusat dan lima buah Kerajaan negeri iaitu Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor yang dikuasai Kerajaan Pakatan Rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penamatan MoU ini bertujuan untuk memudahkan urusan-urusan pentadbiran dan operasi MTPN. MTPN akan ditadbir secara terus dan dipantau oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Malaysia.

Kaedah ini telah dilaksanakan dengan jayanya di Kelantan sejak 2004.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Y.B. yang bertanya, Kementerian Pelancongan tidak membatalkan apa-apa acara pelancongan yang telah dirancang diadakan di negeri-negeri berkenaan.

Acara-acara berkenaan akan terus di laksanakan mengikut kesesuaian. Segala aktiviti promosi acara berkenaan juga berjalan sepertimana dirancang.

Contohnya Pesta Air Langkawi Peringkat Nasional telah berjalan seperti biasa dan telah diadakan dengan jayanya pada 4 hingga 6 April 2008 di Pantai Chenang, Langkawi, Kedah.

NO SOALAN : 47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK DR. MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)**
TARIKH	**:**	**8 MEI 2008 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

(a) Berapakah bilangan dan pecahan peratusan keanggotaan wanita dalam angkatan tentera darat, laut dan udara; dan

(b) Di cawangan manakah yang dianggap paling sesuai bagi kaum wanita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kekuatan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di kalangan kaum wanita adalah seramai 6653 orang iaitu, 6.2 % daripada jumlah keseluruhan anggota ATM. Daripada jumlah tersebut, seramai 5024 orang (6.7 %) sedang berkhidmat dengan Tentera Darat, seramai 907 orang (5 %) sedang berkhidmat dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan seramai 722 orang (5.3 %) sedang berkhidmat dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Tuan Yang di-Pertua,

ATM tiada menetapkan cawangan yang khusus bagi kaum wanita. Walau bagaimana pun penugasan yang paling sesuai adalah di pasukan `Bantuan Tempur', iaitu melaksanakan tugas-tugas seperti perkeranian, kejururawatan, kedoktoran, juruteknik komunikasi dan lain-lain tugas yang difikirkan sesuai.

SOALAN NO : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI**
		[KUALA KRAI]
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
SOALAN	:	

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan kes yang didakwa atas kesalahan di bawah *Private Health Care Services & Family Act* sejak dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, *Private Health Care Services & Family Act* sebagaimana yang dikatakan sebenarnya tidak wujud. Akta yang sebenar yang dimaksudkan adalah *Private Healthcare Facilities and Services Act 1998* atau Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang telah mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006.

Sehingga kini, sejumlah 37 buah premis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan akan diambil tindakan kerana melanggar pelbagai seksyen di bawah Akta ini. Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan ialah beroperasi tanpa lesen (8 kes) atau tanpa pendaftaran (17 kes) dan menggajikan pengamal perubatan yang tak bertauliah (13 kes). Salah satu premis didapati telah melakukan 2 kesalahan.

Sehingga kini, tiga buah premis telah didakwa di bawah Akta ini di mana sebuah premis telah dijatuhkan hukuman dan dua buah premis lagi masih dalam proses perbicaraan mahkamah. Kes-kes lain masih menunggu untuk tindakan seterusnya

SOALAN NO: 49

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN TIONG THAI KING (LANANG)**
TARIKH	:	**8 MEI, 2008 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**TUAN TIONG THAI KING (LANANG)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

(a) Berapa peratuskah beras yang diimport dari negara jiran berbanding beras keperluan negara pada tahun 2007 ; dan

(b) jumlah beras yang diimport mengikut negara

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Pada tahun 2007, negara telah mengimport beras sebanyak 742,672 MT iaitu 33% daripada keperluan negara sebanyak 2.23 juta MT.

b) Pada tahun 2007, jumlah beras import mengikut negara adalah seperti berikut, Thailand 58%, Vietnam 36%, Pakistan 3.8% dan 2.2% dari negara-negara lain.

SOALAN NO : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]**

Tarikh : **8 MEI 2008 (KHAMIS)**

SOALAN

YB. Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan nilai keuntungan yang diperolehi oleh RTM hasil siaran iklan untuk Barisan Nasional di RTM pada kempen Pilihan Raya Umum ke-12 yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

RTM tidak menyiarkan sebarang iklan untuk Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum berkenaan. Oleh itu soal keuntungan hasil siaran tidak timbul

NO. SOALAN 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PENGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN (KENINGAU)

TARIKH : 8 MEI 2008

SOALAN

Y.B. Datuk Seri Penglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan yang baru dibentuk ini mempunyai cadangan untuk menyemak semula royalti minyak kepada Negeri Sabah yang kini hanya sebanyak 5%. Isu royalti ini telah mendapat perhatian dari pelbagai pihak termasuk juga pihak pembangkang yang meminta jumlah 5% untuk negeri Sabah dikaji semula dan dinaikkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan kadar royalti minyak adalah berasaskan kepada Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) yang telah ditanda tangani antara PETRONAS dan syarikat-syarikat minyak yang terlibat dalam pengeluaran sumber berkenaan. Oleh itu, sebarang langkah untuk menyemak semula kadar royalti perlu dirundingkan semula oleh PETRONAS dengan rakan-rakan PSC seperti Shell dan Exxonmobil.

Secara amnya, kenaikan dalam bayaran royalti akan menjejaskan perolehan oleh syarikat-syarikat berkenaan dan dijangka sukar mendapat persetujuan mereka. Sekiranya langkah ini diteruskan juga, adalah dikhuatiri, syarikat-syarikat berkenaan akan hilang kepercayaan terhadap negara ini. Keadaan ini akan mempengaruhi syarikat asing lain untuk melabur di Malaysia memandangkan tindakan syarikat minyak asing berkenaan akan menjadi penanda aras kepada iklim pelaburan di negara ini.

Sehubungan itu, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran royalti minyak kepada Kerajaan-Kerajaan negeri yang berkenaan.

SOALAN: NO. 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN

[KINABATANGAN]

TARIKH JAWAPAN : 8 MEI 2008 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

YB. Datuk Bung Moktar Bin Radin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah alternatif dalam menangani pembatalan cadangan pembinaan Stesen Jana Kuasa Silam, Lahad Datu oleh Kerajaan Negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Keputusan untuk membina Stesen Jana Kuasa di Silam, Lahad Datu dibuat setelah mengambil kira situasi bekalan elektrik di Sabah terutamanya di pantai timur yang berada ditahap kritikal. Seandainya

projek ini tidak dilaksanakan, rizab tenaga akan menjunam kepada kadar yang amat meruncing, iaitu 6% pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) dalam merancang untuk melaksanakan projek tersebut telah meneliti segala aspek pelaksanaan serta mempertimbangkan kesannya terhadap alam sekitar. SESB telah memutuskan untuk menggunapakai teknoloji "*clean coal*" bagi pembinaan loji jana kuasa tersebut dengan menggunakan penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Dunia. Penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Dunia adalah lebih ketat daripada standard-standard yang digunapakai oleh Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Yang Dipertua,

Usaha-usaha sedang diambil untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk mencari lokasi alternatif yang sesuai dalam menangani pembatalan cadangan pembinaan Stesen Jana Kuasa di Silam, Lahad Datu. Adalah diharapkan tapak alternatif akan dapat mencapai matlamat untuk membekalkan elektrik yang berdayaharap dan berkualiti kepada rakyat Negeri Sabah. Pemilihan tapak alternatif ini perlu memberikan penekanan dan mengambil kira beberapa faktor penting seperti berikut:

i. Stesen jana kuasa perlu dibina di pantai timur untuk mengukuhkan sistem bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah;

ii. Fakta mengenai tiadanya bekalan gas atau potensi hidro di kawasan Pantai Timur Sabah yang boleh digunakan sebagai alternatif kepada penggunaan arang batu;

iii. Stesen Jana Kuasa berkuasa solar atau biomass mempunyai kapasiti yang terhad dan kecil iaitu sekitar 0.1MW (solar) hingga 10MW (biomass);

iv. Keperluan untuk mengadakan stesen jana kuasa "baseload" di Pantai Timur Sabah yang berkapasiti sekitar 300MW; dan

v. Tempoh masa yang diperlukan untuk mencari tapak baru supaya tidak mempunyai masalah izin lalu, isu-isu perundangan dan kajian impak alam sekitar atau EIA.

Disamping itu, usaha-usaha juga akan diambil untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai penggunaan *"clean coal technology"* dan kesannya kepada alam semulajadi.

****

No. Soalan : 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE DUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG)**

TARIKH : **8 MEI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapa banyakkah peruntukan tambahan di dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9 akan disalur kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi memperluaskan liputan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) memandangkan liputan setakat ini adalah di dalam lingkungan 80% sahaja (sistem grid).

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir tahun 2007, liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak telah mencapai 84%. Kementerian sedar angka ini masih rendah berbanding negeri-negeri lain khususnya di Semenanjung Malaysia.

Bagi Kajian Separuh Penggal RMK-9, Kementerian telah memohon tambahan sejumlah RM600 juta untuk meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan dari jumlah tersebut, RM240 juta atau 40% adalah dipohon khusus untuk negeri Sarawak. Permohonan ini sedang dalam penelitian Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Adalah dijangkakan dengan adanya pertambahan peruntukan tersebut serta kerjasama dari Agensi-agensi diperingkat negeri Sarawak, liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak akan dapat ditingkatkan kepada 93% pada akhir tahun 2010.

Soalan N o: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)
TARIKH	:	8 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi menghasilkan ramai atlet yang bertaraf *"worldclass"*. Nyatakan bidang sukan yang difikirkan patut diberi perhatian dan tumpuan.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan bersama Majlis Sukan Negara sememangnya menjadikan hasrat untuk mempertingkatkan prestasi sukan di negara ini sebagai satu agenda penting di Kementerian. Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan untuk meningkatkan prestasi sukan di negara ini. Walaupun sukan negara menunjukkan peningkatan prestasi di peringkat antarabangsa tetapi Kerajaan tidak boleh berpuas hati dan usaha yang lebih giat perlu dilakukan untuk memastikan prestasi sukan negara akan lebih konsisten di peringkat antarabangsa. Kerajaan melihat sukan sebagai satu perkara yang penting kerana ianya merupakan satu cara yang lebih mudah dan berkesan dalam menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum,

agama dan latar belakang. Di samping itu sukan juga mampu mempertingkatkan imej negara kita melalui pencapaian cemerlang atlet atau pasukan-pasukan di pertandingan-pertandingan antarabangsa.

2. Sukan prestasi tinggi adalah mahal untuk dilaksanakan. Ini adalah kerana kos untuk menyediakan atlet-atlet yang dapat bersaing dengan atlet-atlet dari negara lain adalah melibatkan kos yang besar dibandingkan dengan pelaksanaan program-program sukan yang semua. Setiap negara di dunia ini akan berusaha termasuk dengan membelanjakan dengan peruntukan yang banyak dalam melahirkan atlet-atlet dan pasukan kebangsaan masing-masing supaya dapat memenangi kejohanan-kejohanan antarabangsa tertentu. Saingan yang hebat ini menyebabkan kos untuk menyediakan atlet dan pasukan yang mampu bersaing menjadi mahal.

3. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa menggalakkan badan-badan sukan yang berdaftar khususnya persatuan sukan kebangsaan bekerja bersama-sama untuk menyediakan program-program latihan jangka sederhana dan jangka panjang bagi memastikan atlet-atlet sukan prestasi tinggi negara dapat berlatih dengan lebih berkesan dengan sokongan kewangan dan perkhidmatan yang sistematik dan saintifik. Cabaran utama ialah bagi memastikan atlet-atlet elit menerima sukan sebagai kerjaya profesional masing-masing. Seseorang atlet elit memerlukan latihan 6 – 8 jam sehari dan ini memerlukan atlet-atlet negara kita menjalani latihan secara sepenuh masa. Melalui pendekatan ini berbagai-bagai skim latihan telah diwujudkan iaitu skim latihan atlet sepenuh masa, program pendedahan latihan luar negara, program *'attachment'* atlet berlatih di luar negara di samping skim ataupun program-program lain yang akan menyokong latihan atlet tersebut

seperti program kejurulatihan, program pertandingan dalam dan luar negara, program khidmat sokongan sains sukan, program khidmat sokongan perubatan sukan, program khidmat sokongan kebajikan atlet dan sebagainya.

4. Selaras dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang mana Kementerian Belia dan Sukan telah diamanahkan untuk melahirkan atlet-atlet bertaraf dunia menjelang 2010, maka Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah menetapkan program-program jangka panjang sehingga tahun 2010 malahan turut melibatkan program ke arah Sukan Olimpik 2012 di mana beberapa pendekatan dan strategi-strategi yang telah digariskan di dalam RRJP3 ke arah melahirkan atlet bertaraf dunia adalah seperti berikut:-

   i. Menumpukan kepada jenis sukan di mana atlet Malaysia boleh dilatih menjadi atlet bertaraf dunia. Ini memerlukan pemilihan jenis sukan berasaskan kepada 3 perkara utama iaitu rekod prestasi, kemampuan kejayaan bukan bergantung kepada faktor fizikal dan popularity serta pengurusan persatuan sukan berkenaan. Sebanyak 19 jenis sukan telah dikenal pasti iaitu akuatik, angkat berat, berbasikal, badminton, bola sepak, boling padang, gimnastik, hoki, karate, memanah, menembak, olahraga, pelayaran, sepak takraw, silat olahraga, skuasy, taekwondo, tenpin boling dan wushu.

   ii. Menyediakan pakej menyeluruh dalam program latihan seseorang atlet yang dikenal pasti seperti pakej pendidikan, kebajikan, pekerjaan dan program binaan latihan yang bertaraf antarabangsa.

iii. Mempertingkatkan pembangunan sukan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi melalui kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Tumpuan akan diberikan kepada program pengenalpastian bakat dan pembentukan kemahiran serta pendedahan latihan asas yang lebih mantap. Pendidikan asas Gimnastik dan Olahraga sebagai kurikulum pendidikan jasmani. Tumpuan juga dijuruskan kepada menambahkan lagi sekolah-sekolah sukan negara dan sekolah-sekolah sukan negeri dan daerah bagi memudahkan program latihan dijalankan. Ini memerlukan peningkatan keperluan dan naik taraf kemudahan-kemudahan sukan di sekolah di samping meningkatkan lagi bilangan guru/jurulatih yang berkelayakan dan berkualiti.

iv. Memperkasakan persatuan-persatuan sukan kebangsaan negeri dan daerah dengan berasaskan kepada Akta Pembangunan Sukan supaya sukan-sukan dapat diuruskan secara profesional bagi meninggikan lagi kualiti pertandingan dalam negara. Keperluan untuk menambahkan lagi serta menyusun struktur pertandingan tempatan yang lebih berkualiti dan bertaraf tinggi di samping menggalakkan kejohanan sukan antarabangsa bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi latihan dan pertandingan sukan antarabangsa.

v. Keperluan untuk mempertingkatkan serta mengoptimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada di seluruh negara bagi menyemai budaya sukan di kalangan rakyat yang mana akan menjadi asas kepada minta untuk bergiat cergas dalam sukan prestasi tinggi dan sukan untuk semua.

vi. Melibatkan lebih banyak syarikat swasta dalam membantu pembangunan sukan negara baik sebagai penaja secara langsung mahupun secara tidak langsung seperti memberi galakan dan peluang bersukan dikalangan kakitangan di samping menyediakan kemudahan dan peralatan sukan yang memudahkan penggiat sukan bergerak cergas.

vii. Menambahkan lagi bilangan jurulatih dan pegawai teknikal yang berkelayakan dan bertauliah dengan tumpuan kepada struktur pendidikan kejurulatihan sukan yang lebih berkualiti di samping menggalakkan penglibatan bekas-bekas atlet untuk menjadikan kejurulatihan sebagai satu profesion. Penglibatan lebih ramai pegawai teknikal di peringkat antarabangsa akan menjadikan negara sebagai rujukan sukan antarabangsa baik dari segi menganjurkan kejohanan antarabangsa mahupun menawarkan kepakaran teknikal ke peringkat antarabangsa.

viii. Menyediakan skim kebajikan dan insentif yang menyeluruh dan meyakinkan masyarakat untuk menceburkan diri secara serius dalam sukan prestasi tinggi di mana melalui sukan akan membuka peluang-peluang kerjaya yang boleh memberi jaminan masa depan.

ix. Mempertingkatkan pendekatan saintifik dalam pembangunan sukan dari peringkat asas hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi supaya sumber yang terhad akan dapat dibentuk dengan lebih terkawal bagi mengelakkan pembaziran dan kecicir an sebelum tempoh yang diharapkan.

x. Menubuhkan rangkaian sistem maklumat sukan negara yang lebih efisien yang membolehkan pengetahuan dan maklumat sukan dikongsi bersama dalam era dunia tanpa sempadan ini.

Soalan No. 55

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE DUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM (SERIAN)**

TARIKH : **8 MEI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan oleh kerana masih banyak kampung-kampung dan rumah panjang di luar bandar Sarawak belum menikmati bekalan elektrik dan air bersih (dirawat), apakah rancangan untuk memastikan kesemua kampung dapat menikmati kemudahan tersebut menjelang 2010.

JAWAPAN :

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sedar bahawa masalah kemudahan asas terutamanya bekalan elektrik dan bekalan air di kawasan khususnya di kawasan pedalaman negeri Sarawak belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Justeru, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Bekalan Air Luar bandar (BALB) bagi memastikan semua kampung serta rumah-rumah panjang di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak mendapat bekalan air dan elektrik.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh RMK-9 sejumlah RM427.56 juta telah diperuntukkan untuk projek BELB di negeri Sarawak. Sehingga akhir tahun 2007, liputan bekalan elektrik negeri Sarawak telah dapat ditingkatkan kepada 84.08% dan Kementerian menjangkakan liputan bekalan elektrik di negeri sarawak akan dapat ditingkatkan kepada 90.0% menjelang akhir tahun 2010. Dengan perkiraan tersebut, Kementerian mengunjurkan bekalan elektrik di negeri Sarawak akan dapat mencapai liputan 100% pada akhir tahun 2015.

Bagi program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, liputan bekalan air di kawasan luar bandar negeri Sarawak sehingga akhir tahun 2007 hanya mencapai 62.0% dan Kementerian sedar bahawa liputan ini masih rendah berbanding dengan lain-lain negeri.

Kementerian di dalam tempoh RMKe-9 telah diperuntukkan sejumlah RM 347.0 juta untuk pelaksanaan projek BALB di negeri Sarawak. Dengan peruntukan yang diluluskan, Kementerian mensasarkan 90.0% kawasan luar bandar di negeri Sarawak akan mendapat liputan bekalan air bersih menjelang tahun 2010.

SOALAN NO : 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN TAN AH ENG**
		[GELANG PATAH]
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
SOALAN	:	

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesan-kesan pelaksanaan Konsep Pek Saiz Pesakit (*Patient Pack Size*) bagi produk farmaseutikal.

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep pek saiz pesakit (*patient pack size*) bagi produk farmaseutikal bukanlah suatu konsep yang baru kerana Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah menetapkan saiz pek tertentu bagi beberapa jenis produk sebelum ini contohnya seperti saiz pek maksima 200ml bagi ubat antibiotik.

PBKD pada mesyuarat ke-201 yang diadakan pada 31hb Januari 2008 telah mengambil keputusan bahawa keperluan ini akan

dilaksanakan secara voluntari iaitu pada 1hb Mac 2008 dan perlaksanaannya akan dilakukan secara mandatori berkuatkuasa mulai 1hb September 2008. Keputusan ini tidak melibatkan produk kesihatan suplemen dan ubat tradisional.

Antara tujuan perlaksanaan perkara ini bagi semua jenis produk farmaseutikal adalah untuk menjamin kualiti produk, meningkatkan penjagaan pesakit, menyenangkan pendispensan, dan memudahkan pemantauan. Walau bagaimanapun, pandangan pihak berkenaan seperti FOMCA, CAP, *Malaysian Pharmaceutiacal Society,* Persatuan Hospital Swasta Malaysia dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) telah diambilkira sebelum perkara ini dilaksanakan.

Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI) telah membuat kajian tentang implikasi perkara ini dan telah memberi jaminan bahawa kenaikkan harga produk yang dibekal dalam bentuk pek saiz pesakit adalah ditahap minimum. Ini kerana doktor dan ahli farmasi akan dapat menjimatkan dari segi perbelanjaan untuk bekas, label, mesin prepacking dan tenaga kerja yang sebelum ini digunakan untuk menjalankan tugas pek semula ubat yang dibekal kepada pesakit

Pihak MMA juga telah diminta melaporkan kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi jika harga ubat dinaikkan ke paras yang dianggap tidak wajar.

NO SOALAN: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**
		[PADANG TERAP]
TARIKH	:	**8 MEI 2008**

SOALAN:

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab-sebab sebenar sistem kehakiman negara menghadapi krisis kepercayaan daripada rakyat.

JAWAPAN (This is the anwer by SUPOL/BHEEU team)

Tuan Yang DiPertua,

Persepsi sistem kehakiman negara menghadapi krisis kepercayaan adalah bukanlah hasil dari satu peristiwa sahaja. Ia adalah kesinambungan pelbagai peristiwa yang berlaku pada suatu jangka masa yang lama yang membawa kepada sedikit sebanyak anggapan bahawa kepercayaan rakyat terhadap sistem kehakiman telah terhakis.

Peristiwa pemecatan dan penggantungan hakim pada tahun 1988 merupakan satu peristiwa besar yang menjejaskan imej kehakiman negara. Selain itu, tuduhan-tuduhan hakim bercuti dengan peguam, peguam menulis draf penghakiman, peguam terlibat dalam proses pelantikan hakim, rasuah dan penyalahgunaan kuasa telah mencemarkan imej kehakiman negara. Tuduhan-tuduhan tersebut walau bagaimanapun tidak boleh dianggap sebagai benar yang mewakili keseluruhan badan kehakiman.

Bagi mengembalikan semula imej kehakiman Kerajaan pada 17 April 2008 telah mengumumkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) yang merupakan suatu Suruhanjaya bebas yang berfungsi sebagai badan yang memperakukan nama-nama calon hakim yang berkelayakan berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan oleh SPK kelak.

Dalam menjalankan fungsinya, dicadangkan SPK mengambil kira kelayakan calon yang merangkumi; kelayakan pelantikan hakim di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan, kebolehan dan kompetensi dalam bidang perundangan, pengalaman yang sesuai, kekuatan sifat seperti ketekunan,

kejujuran intelektual, kebebasan, adil, berintegriti dan mempunyai perwatakan moral yang teguh.

Dalam konteks ini, SPK dikehendaki membuat perakuan berhubung dengan pelantikan hakim ke arah mewujudkan Sistem Keadilan Negara yang menggambarkan status sosial dan bangsa Malaysia yang pelbagai. Penubuhan SPK merupakan suatu usaha bersungguh-sungguh daripada pihak Kerajaan bagi mewujudkan sistem pelantikan kehakiman yang telus dan berintegriti.

Pada masa ini, Kerajaan sedang menjalankan kajian dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Badan Peguam Malaysia bagi memastikan fungsi, struktur, keanggotaan SPK dan tatacara SPK adalah selari dengan hasrat Kerajaan bagi mewujudkan suatu badan yang memperakukan nama calon bagi pelantikan hakim yang berwibawa.

Selain itu, peranan Majlis Peguam juga penting untuk memastikan peguam-peguam tidak terlibat atau campur tangan dalam sebarang urusan kehakiman, sebagai contoh peguam hendaklah mempunyai etika kepeguaman yang tinggi dan bebas daripada rasuah. Majlis Peguam hendaklah mengambil tindakkan terhadap anggotanya jika terdapat apa-apa salah laku atau laporan salah laku yang melibatkan campur tangan dalam proses kehakiman.

Soalan No : 58

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)**
TARIKH	:	**8.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan projek pembinaan SJK Cina baru yang dijanjikan semasa pilihan raya umum lalu untuk dibina dari segi perkembangan projek, jumlah peruntukan, lokasi-lokasinya tahap pengambilan tanah dan bilakah mula dibina/siap serta kemasukan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah–sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Dalam hal ini, KPM memberi peruntukan kepada semua jenis aliran sekolah termasuklah sekolah jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT).

Pada 31 Januari 2008, KPM secara prinsipnya telah membenarkan pembinaan 6 (enam) buah SJKC baru dan perpindahan 13 buah SJKC. Namun perkara tersebut masih di peringkat awal. Kementerian perlu memperhalusi pembinaan sekolah tersebut dengan mengambil kira cadangan tapak dan lokasi.

SOALAN NO :59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA)**
PERTANYAAN	:	**MULUT**
TARIKH	:	**08.05.2008**

Y.B. Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan Malaysia sedar bahawa Forex Trading adalah pasaran terbesar di dunia dengan nilai dagangan bernilai 8 bilion setiap hari dan rakyat Malaysia tidak dibenarkan mengambil bahagian.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membenarkan rakyat untuk berurus niaga mata wang asing seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Menurut Seksyen tersebut, mana-mana pihak dibenarkan untuk berurus niaga mata wang asing dengan bank-bank berlesen tempatan yang merangkumi bank perdagangan, bank pelaburan, bank Islam dan bank Islam antarabangsa di Malaysia.

NO SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH: 8 MEI 2008

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat ini apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam bidang kehakiman dan cara untuk menyelesaikannya. Adakah Kementerian mencadangkan untuk mewujudkan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat kehakiman. Jika tidak mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Terdapat dua kelemahan utama dalam sistem kehakiman sekarang. Pertama adalah berkenaan kes-kes yang tertunggak di mahkamah dan kedua mengenai tanggapan awam bahawa proses pelantikan kehakiman adalah tidak telus.

Dalam menangani kes-kes tertuggak di mahkamah, kerajaan telah mengambil tindakan dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Kes-kes Tertunggak untuk melaksanakan cadangan yang telah dikemukakan oleh pelbagai pihak sebagai usaha mempercepatkan pendengaran kes di mahkamah.

Mengenai tanggapan umum bahawa pelantikan kehakiman adalah tidak telus, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman sebagai satu-satunya badan bebas yang berfungsi untuk memperakukan nama calon-calon yang layak untuk menjadi hakim.

Suruhanjaya ini juga akan membuat perakuanan calon hakim dengan telus berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Suruhanjaya yang merangkumi kelayakan pelantikan hakim di bawah Perkara 123

Perlembagaan Persekutuan, kebolehan dan kompetensi dalam bidang perundangan, pengalaman yang sesuai, kekuatan sifat seperti ketekunan, kejujuran intelektual, kebebasan, adil, berintegriti dan mempunyai perwatakan moral yang teguh.

Oleh yang demikian, tidak ada keperluan pada pihak Kerajaan untuk mewujudkan Suruhanjaya DiRaja untuk menyiasat badan Kehakiman.

NO: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**Bagi Jawab Lisan**
DARIPADA	:	**Tuan Lim Kit Siang**
TARIKH	:	**08 Mei 2008 (Khamis)**
SOALAN	:	**61**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sepenuhnya skandal bailout Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) berjumlah RM 4.6 bilion berkenaan kebolehlaksanaannya, sejarah penyelewengan transaksi tanah, pengeluaran Surat Sokongan yang tidak sah, bailout kabinet, ratifikasi keputusan – keputusan tidak sah oleh Menteri – menteri Pengangkutan lepas secara retrospektif.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Dimaklumkan tiada penyelewengan seperti yang didakwa oleh Y.B. dari Ipoh Timur mengenai transaksi tanah. Tanah seluas 1,000 ekar ini telah dinilai oleh agensi penilaian Kerajaan iaitu Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada tahun 2000. Nilaian tanah sebanyak RM 25 sekaki persegi merangkumi bukan sahaja pembelian tanah kosong tetapi juga melibatkan kerja-kerja infrastruktur asas yang telah dilaksanakan seperti kerja menambun tanah, pembinaan jalan dan jambatan, penyediaan bekalan air dan elektrik dan tempoh bayaran balik tertunggak selama 15 tahun.

Berhubung dengan surat-surat sokongan yang dikeluarkan, surat-surat tersebut adalah setakat surat sokongan dan bukan surat jaminan.

Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan bahawa adalah tidak benar Kerajaan telah *bailout* projek Port Klang Free Zone (PKFZ). PKFZ adalah projek strategik bagi meningkatkan lagi daya saing Pelabuhan Kelang dan Kerajaan telah bersetuju memberi pinjaman mudah kepada Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) untuk membiayai projek ini.

Oleh yang demikian, memandangkan Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pinjaman kepada LPK, maka segala keputusan – keputusan yang telah dibuat sebelum ini perlu disahkan.

NO. SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAPAN LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN CHUA TEE YONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil untuk mengatasi inflasi yang melanda negara ini selain daripada penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai pengawalan harga.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar inflasi yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) masih terkawal, iaitu meningkat 2.8% pada bulan Mac 2008. Namun, fenomena inflasi sekarang adalah disebabkan oleh kenaikan harga bahan makanan yang meningkat lebih tinggi, iaitu sebanyak 4.9%, terutamanya disumbang oleh kenaikan susu, keju dan telur 14.3%; beras, roti dan bijirin lain 6.0%; daging 4.5%; dan ikan dan makanan laut 4.1%.

Oleh itu, Kerajaan amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi rakyat berikutan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan tertentu.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk memastikan inflasi dapat dibendung, kos sara hidup dapat dikurangkan terutamanya harga makanan dan produk petroleum bagi menjamin kebajikan rakyat secara berterusan. Antara langkah ini termasuklah:

i. Melaksanakan *Dasar Sekuriti Makanan Nasional* untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor pertanian makanan. Tahap sara diri beras akan ditingkat daripada 72.2% sekarang kepada 90% pada tahun 2010. Kerajaan juga akan meningkatkan stok penimbal beras untuk memastikan bekalan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan rakyat. Peruntukan RM4 bilion disediakan untuk stok penimbal beras, infrastruktur seperti pengairan, baja dan air serta pembukaan tanah jelapang padi di Sarawak;

ii. Menambah tempoh Lesen Menduduki Sementara (TOL) sehingga 30 tahun untuk memastikan pengusaha ladang mempunyai kepastian menduduki tanah bagi tempoh yang panjang untuk aktiviti pertanian. Kerajaan juga akan melaksanakan program peningkatan pengeluaran dan produktiviti seperti tanaman makanan, perikanan dan ternakan selain pemberian insentif dan subsidi kepada pengusaha pertanian;

iii. Memberikan pelbagai subsidi dan bantuan bagi mengurangkan bebanan rakyat seperti subsidi harga gas oleh Petronas kepada sektor elektrik dan industri sebanyak RM18 bilion pada tahun 2007, biasiswa kecil pendidikan RM4 bilion dan subsidi padi RM949 juta;

iv. Harga runcit bagi petrol tidak akan dinaikkan dalam masa terdekat walaupun harga minyak dunia sekarang telah mencecah dolar Amerika Syarikat 118 setong. Begitu juga dengan kenaikan tambang pengangkutan awam yang dibekukan sehingga ke suatu masa yang sesuai;

v. Mengkaji semula struktur subsidi minyak yang meningkat kepada lebih RM16 bilion pada tahun 2007 supaya dapat memberi lebih tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin;

vi. Melaksanakan penguatkuasaan kawalan harga sepanjang masa ke atas 11 jenis barang keperluan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan kawalan harga di bawah Akta Kawalan Harga 1946 bagi barangan keperluan musim perayaan di samping barangan kawalan berjadual dan barangan kawalan harga secara pentadbiran;

vii. Sentiasa membuat pemantauan harga barangan keperluan asas dan menjalankan pemeriksaan di premis-premis perniagaan dan pengeluar supaya tidak berlaku kegiatan menyorok. Untuk tujuan ini, seramai 2,000 pemantau harga telah dilantik di seluruh negara bagi memperkemaskan usaha ini;

viii. Memperkenalkan sistem kawalan diesel bersubsidi melalui pemberian *fleetcard* kepada kenderaan awam dan kenderaan barangan yang menggunakan diesel agar kos pengangkutan awam tidak dinaikkan;

ix. Menyediakan kemudahan pengguna membuat aduan mengenai kekurangan bekalan barangan dan harga termasuklah peti surat 8000, talian telefon bebas tol 1-800-886-800, sistem pesanan ringkas (SMS) 36663, membuka bilik gerakan dan kemudahan talian yang beroperasi 24 jam; dan

x. Menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif seperti menggunakan *natural gas vehicles* (NGV), *biofuel* dan hidro mini bagi menangani kenaikan harga minyak dalam jangka panjang.

Selain daripada langkah tersebut di atas, Kerajaan menerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Langkah-langkah Membendung Inflasi sedang menimbang beberapa langkah bersesuaian bagi menangani masalah ini.

SOALAN NO.63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)

TARIKH : 8 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah terkini remaja yang dilaporkan hilang dan tidak dapat dikesan dalam tempoh 2006-2008. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengenalpasti sebab-sebab kejadian ini berlaku dan cara bagi mengatasinya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), bagi tempoh Januari hingga Mac 2008, terdapat 242 kes kanak-kanak yang telah dilaporkan hilang dan daripada jumlah ini sebanyak 114

kes telah dijumpai semula. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat sebanyak 128 kes kanak-kanak yang masih hilang.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat memandang serius kes-kes kehilangan kanak-kanak ini. KPWKM melalui JKM dan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Kementerian Pelajaran, agensi kerajaan berkaitan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta anggota masyarakat telah melaksanakan pelbagai program untuk membanteras isu ini.

Langkah-langkah yang telah diambil ialah:-

1. mengadakan program-program kesedaran kepada ibu bapa, kanak-kanak dan masyarakat mengenai tanggungjawab masing-masing dalam menentukan keselamatan kanak-kanak;
2. mengadakan program Latihan Kemahiran Keibubapaan kepada ibu bapa bagi memastikan agar mereka sentiasa bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak;

3. mengadakan program pencegahan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak melalui Penubuhan TASKA Komuniti dan Talian NUR;
4. meningkatkan kerjasama antara agensi dalam memastikan keselamatan kanak-kanak; dan
5. merangka Dasar Perlindungan Kanak-Kanak berserta Pelan Tindakan. Dasar dan Pelan Tindakan ini antara lain adalah bertujuan untuk meningkatkan kepekaan masyarakat tentang tanggungjawab mereka dalam memastikan keselamatan kanak-kanak.

SOALAN NO: 64

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA (BACHOK)**
PERTANYAAN	:	**MULUT**
TARIKH	:	**08.05.2008**

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sehingga 31 Mac 2008, berapakah jumlah dan nilai projek yang telah diluluskan kepada syarikat dan kontraktor bumiputera dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mencapai matlamat dasar pembangunan negara antaranya untuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC), Kerajaan telah menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada peruntukan tahunan Kementerian/Agensi hendaklah dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera.

2. Bagi tempoh dua tahun pertama RMK-9, sebanyak RM67 billion telah dipelawa secara tender dan daripada jumlah tersebut, 60 peratus bernilai RM40.2 billion ditawarkan kepada kontraktor Bumiputera.

3. Kerajaan juga amat peka terhadap keperluan untuk membantu membangunkan kontraktor kecil Bumiputera. Sehubungan itu, pengagihan projek kepada kontraktor kecil Bumiputera Kelas F dilakukan oleh Kerajaan melalui program-program khas. Antara program tersebut adalah Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Program Projek-projek Infrastruktur Asas (PIAS) yang dibiayai daripada Peruntukan Khas Kementerian Kewangan. Program PIA telah dimulakan pada tahun 2005 dan sejumlah RM2.159 bilion peruntukan telah disediakan bagi pelaksanaan program PIA yang dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera Kelas F sepanjang tempoh empat tahun ini. Di bawah PIAS pula, sejumlah RM1.874 bilion peruntukan telah disediakan sepanjang tempoh tiga tahun ini, mulai tahun 2006.

Soalan NO: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	JAWAB LISAN
DARIPADA	:	Y.B. Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
TARIKH	:	8 MEI 2008
SOALAN	:	**65. PR-1211-L11881**

Y.B. Tuan Gobind Singh Deo (Puchong) minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Malaysia telah mengiktiraf Konvensyen CERD (Convention for the Elimination of Racial Discrimination), Konvensyen CCPR (International Covenant on Civil and Political Rights), dan Konvensyen ICESCR (International Covenant on Economic and Social Cultural Rights)? Sekiranya tidak, kenapa?

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Puchong di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kerajaan sentiasa peka akan peri pentingnya untuk negara menjadi pihak kepada konvensyen-konvensyen antarabangsa, termasuk *Convention for the Elimination of Racial Discrimination* (CERD), *International Covenant on Civil and*

Political Right (ICCPR) dan *International Covenant of Economic, Social and Cultural Rights* (ICESR). Buat masa ini, Kerajaan sedang mengkaji dan menimbang kemungkinan Malaysia menyertai konvensyen tersebut. Ini adalah kerana sebelum penerimaan dan ratifikasi menjadi kenyataan, penilitian yang rapi harus dilakukan terhadap pelbagai peruntukan undang-undang negara kita yang sedia ada.

3. Walau bagaimanapun, sebelum Malaysia menjadi anggota kepada konvensyen-konvensyen antarabangsa, termasuk mengenai hak asasi manusia, kita perlu terlebih dahulu membuat persediaan bagi memastikan peruntukan konvensyen tersebut boleh dilaksanakan oleh negara melalui mekanisme dan juga rangka perundangan. Sekiranya mekanisme ataupun undang-undang untuk melaksanakan peruntukan konvensyen tersebut masih belum ada, maka ia perlu digubal sebelum Malaysia boleh menjadi anggota kepada konvensyen-konvensyen tersebut. Di samping itu, undang-undang sedia ada perlu disemak bagi memastikan ia tidak bertentangan dengan peruntukan konvensyen yang boleh diratifikasi. Begitu juga sebaliknya peruntukan konvensyen berkenaan perlu diteliti bagi memastikan ia tidak bertentangan dengan undang-undang negara sedia ada.

4. Dalam hal ini, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah pentadbiran dan perundangan yang perlu bagi membolehkan undang-undang yang berkaitan adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam *Convention for the Elimination of Racial Discrimination, International Covenant on Civil and Political Rights* dan *International Covenant of Economic, Social and Cultural Rights*. Malaysia akan menganggotai dan seterusnya meratifikasi

konvensyen-konvensyen tersebut apabila langkah-langkah tersebut di atas disempurnakan.

NO. SOALAN : 66

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM [MUAR]

TARIKH : 8 MEI 2008

SOALAN : 66

Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:

(a) Peratusan kawasan hutan simpanan dalam tiga (3) tahun yang lalu; dan

(b) Sekiranya Kementerian bercadang untuk memperluaskan kawasan simpanan hutan dalam atau berdekatan bandar-bandar supaya penduduk-penduduk bandar turut dapat menikmati gaya kehidupan yang lebih seimbang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Bagi tempoh tiga tahun yang lalu, peratusan kawasan Hutan Simpanan Kekal ialah:

Tahun	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak
2005	35.8%	48.0%	38.4%
2006	35.9%	48.0%	37.6%
2007	35.9%*	48.1%	37.6%

Nota: * Anggaran

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dan akan terus berusaha untuk memperluaskan dari semasa ke semasa jumlah kawasan Hutan Simpanan Kekal di bandar-bandar bersesuaian supaya penduduk dapat menikmati gaya hidup yang lebih seimbang. Namun, kejayaan usaha ini amat bergantung pada kerjasama daripada semua Kerajaan Negeri memandangkan di bawah Perkara 74(2) Perlembagaan Malaysia, perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat amat menggalakkan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti kawasan-kawasan berhutan dalam kawasan bandar dan mengambil tindakan untuk mewartakannya sebagai Hutan Simpanan Kekal dan seterusnya dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan.

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT , MALAYSIA

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (PONTIAN)
PERTANYAAN : MULUT
TARIKH : 8.5.2008

Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang membantu pelaburan amanah saham negeri-negeri yang sedang bermasalah khasnya Amanah Saham Johor. Adakah perlu negeri-negeri berkaitan mengikuti langkah Selangor (Kerajaan sebelum ini) dengan membuat pengapungan syarikat Kerajaan Negeri di Bursa Malaysia dan keuntungan dibahagikan kepada pelabur saham.

Jawapan :

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Prestasi sesuatu tabung unit saham amanah termasuk tabung unit saham amanah yang ditaja oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, bergantung kepada pelbagai faktor seperti pertumbuhan ekonomi, prestasi pasaran saham dan syarikat yang dilaburkan. Faktor-faktor ini menyebabkan nilai unit saham amanah berubah dari masa kesemasa. Semenjak krisis ekonomi dan kewangan 1997/1998, kesemua tabung unit saham amanah tajaan Kerajaan Negeri telah mengalami penurunan nilai aset bersih (NAB) dan telah menyebabkan nilai setiap unit merosot berbanding nilai tawaran asal RM1.00 seunit.

2. Kerajaan Persekutuan sebenarnya tidak mencampuri urusan pelaburan yang dibuat oleh tabung-tabung unit amanah yang ditaja oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri. Begitu juga, sebarang langkah bagi memperbaiki prestasi tabung unit amanah adalah merupakan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dan pengurus-pengurus dana yang terbabit. Kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Sekuriti sentiasa menyokong dan sedia membantu langkah-langkah pemulihan, dengan syarat cadangan-cadangan tersebut tidak bercanggah dengan keperluan-keperluan Garis Panduan Tabung Unit Amanah dan peraturan-peraturan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

3. Tabung Amanah Saham Selangor telah melancarkan skim belian balik pada 15 November 2003 untuk menutup tabung unit amanah sahamnya manakala Pelaburan Johor Berhad pula melancarkan skim belian pada 9 Februari 2004 untuk membantu pelabur-pelaburnya.

NO SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DR. DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]

TARIKH: 8 MEI 2008

SOALAN:

Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung penubuhan Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman bagi melantik para hakim yang berintegriti dan berwibawa.

Tuan Yang DiPertua,

Pada 17 April 2008 Kerajaan telah mengumumkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) yang merupakan suatu Suruhanjaya bebas yang berfungsi sebagai badan yang memperakukan nama-nama calon hakim yang berkelayakan berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan oleh SPK kelak.

Dalam menjalankan fungsinya, dicadangkan SPK mengambil kira kelayakan calon yang merangkumi; kelayakan pelantikan hakim di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan, kebolehan dan kompetensi dalam bidang perundangan, pengalaman yang sesuai, kekuatan sifat seperti ketekunan, kejujuran intelektual, kebebasan, adil, berintegriti dan mempunyai perwatakan moral yang teguh.

Dalam konteks ini, SPK dikehendaki membuat perakuan berhubung dengan pelantikan hakim ke arah mewujudkan Sistem Keadilan Negara yang menggambarkan status sosial dan bangsa Malaysia yang pelbagai. Penubuhan SPK merupakan suatu usaha bersungguh-sungguh daripada pihak Kerajaan bagi mewujudkan sistem pelantikan kehakiman yang telus dan berintegriti.

Pada masa ini, Kerajaan sedang menjalankan kajian dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Badan Peguam Malaysia bagi memastikan fungsi, struktur, keanggotaan SPK dan tatacara SPK adalah selari dengan hasrat Kerajaan bagi mewujudkan suatu badan yang memperakukan nama calon bagi pelantikan hakim yang berwibawa.

SOALAN : NO. 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TAN SRI DATO' ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH JAWAPAN : 08 MEI 2007 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

YB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid Bin Ibrahim minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berikutan Akta Industri Bekalan Air 2005, apakah pulangan yang diperoleh oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Syarikat-Syarikat Konsesi Bekalan Air.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini sedang giat melaksanakan penyusunan semula industri perkhidmatan air negara. Matlamat utama penyusunan semula ini adalah untuk mewujudkan satu struktur industri perkhidmatan air

yang holistik, berdaya maju dan mapan. Selari dengan hasrat ini, aspek kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan bekalan air sangat diberi penekanan. Perkhidmatan yang cekap dan berkesan akan membolehkan rakyat, dalam jangka masa panjang, menikmati bekalan air secara kekal berterusan dan berkualiti dengan kadar tarif yang berpatutan.

Bagi mencapai maksud ini, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menstruktur semula semua operator bekalan air termasuk pemegang-pemegang konsesi sedia ada supaya ia mempunyai ciri-ciri berikut:

(1) sebuah syarikat yang dimiliki dan di bawah kawalan kerajaan negeri;

(2) sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan

(3) sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan Indeks Prestasi Utama (KPI)

yang di kawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Selari dengan konsep a*sset light* di atas, usaha penstrukturan semula seterusnya akan melibatkan pengambilalihan aset dan tanggungan kerajaan negeri berkaitan bekalan air melalui mekanisme Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Dengan ini juga, keperluan pembiayaan modal (*Capex*) masa hadapan akan dibiayai oleh PAAB.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai operator air berlesen, tumpuan utama syarikat berkenaan adalah untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan. SPAN, melalui syarat-syarat lesen, akan menetapkan petunjuk-petunjuk prestasi utama (KPI) bagi mengawal selia operasi syarikat berkenaan. Berdasarkan peruntukan Akta 655, SPAN boleh untuk tidak memperbaharui lesen operator yang gagal mematuhi KPI yang ditetapkan.

Di bawah konsep *aset light* pula, syarikat operator air adalah dikehendaki untuk mengemukakan pelan perniagaan jangka panjang yang turut meliputi keperluan Capex untuk pembangunan infrastruktur bekalan air seperti pembinaan loji dan rangkaian paip.

PAAB akan diarahkan untuk menyediakan infrastruktur ini secara tender terbuka bagi memastikan ia disediakan pada harga yang berpatutan. PAAB kemudiannya akan memajakkan infastruktur ini kepada operator berkenaan pada kadar kemampuan dan jangka masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. SPAN akan mengawal selia semua urusan penyediaan dan pemajakan infrastruktur bekalan air yang disediakan oleh PAAB.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah memutuskan untuk tidak membenarkan pegangan konsesi baru bagi operasi perkhidmatan dan pengeluaran air. Pemegang-pemegang konsesi sedia ada adalah digalakkan untuk berhijrah ke rejim pelesenan di bawah Akta 655. Di bawah rejim ini, tidak seperti pegangan konsesi, syarikat perlu meningkatkan tahap kecekapan bagi meraih keuntungan. Selari dengan itu juga, kenaikan tarif air hanya akan dipertimbangkan jika syarikat berkenaan telah menunjukkan bahawa mereka telah berjaya mencapai KPI yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua,

Penstrukturan semula operator-operator air di negara ini, dalam jangka masa panjang, akan menjadikan syarikat-syarikat berkenaan lebih efisien, berdaya maju dan mapan. Kecekapan operasi syarikat-

syarikat air akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan dalam pembiayaan kos operasi dan Capex. Bagi Kerajaan, pulangan yang paling utama ialah kecekapan syarikat akan dapat mewujudkan satu industri yang mapan dan berdaya saing yang mampu memberikan perkhidmatan yang efisien dengan kos yang berpatutan. Pulangan ini, akhirnya, akan turut memberi manfaat kepada rakyat kerana tarif air akan dapat diselaraskan dengan tahap pencapaian kecekapan dan kos operasi syarikat.

****

Soalan No. 70

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH (LENGGONG)**

TARIKH : **8 MEI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian mempercepatkan kelulusan dan permintaan masyarakat luar bandar bagi memenuhi keperluan asas mereka supaya rakyat tidak menyalahkan Kerajaan kerana lebih menumpukan projek besar atau mega tanpa melihat keperluan asas mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

1. Kementerian sentiasa memberi perhatian serius dalam usaha mempercepatkan kelulusan dan permintaan masyarakat luar bandar

bagi memenuhi keperluan asas mereka. Pada masa kini proses dan prosedur permohonan projek Kementerian adalah melalui penyelarasan di peringkat daerah dan negeri sebelum dikemukakan ke Kementerian untuk kelulusan selanjutnya. Proses ini adalah bersesuaian dengan Arahan No. 1 Tahun 2007, Jabatan Perdana Menteri.

2. Selain itu, bagi mempercepatkan pelaksanaan projek, Kementerian juga turut mendapatkan khidmat Ahli-ahli Yang Berhormat (ADUN dan Ahli Parlimen) bagi mengenalpasti projek-projek yang memerlukan tindakan segera untuk dikemukakan terus kepada Kementerian bagi kelulusan dan pelaksanaan oleh pelbagai agensi di peringkat negeri dan daerah.

3. Pada masa yang sama, Kementerian turut mempunyai mekanisma pemantauan dan pelaksanaan projek bagi memastikan projek-projek dilaksanakan mengikut jadual dan benar-benar dinikmati oleh kumpulan sasar di luar bandar.

4. Kementerian akan terus berusaha dan mengenalpasti pelbagai kaedah untuk mempercepatkan proses kelulusan dan permintaan masyarakat luar bandar bagi memastikan program/projek pembangunan luar bandar yang dilaksankan oleh Kementerian benar-benar dapat dinikmati oleh mereka dari masa ke semasa.

Soalan No : 71

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)

TARIKH : 8.5.2008

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian Pelajaran sedia membina SJKC baru secara sistematik memandangkan keperluan mendesak bagi SJKC di kawasan bandar dan segala kos pembinaan bangunan SJKC baru ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Dalam hal ini, KPM memberi peruntukan kepada semua jenis aliran sekolah termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 31 Januari 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) secara prinsipnya telah membenarkan pembinaan 6 (enam) buah SJKC baru dan perpindahan 13 buah SJKC. Namun perkara tersebut masih di peringkat awal yang mana Kementerian perlu memperhalusi pembinaan sekolah tersebut dengan mengambil kira cadangan tapak dan lokasi.

KPM sedia menyalurkan bantuan kewangan yang diperlukan di kalangan SJKC tertakluk kepada peruntukan kewangan yang mencukupi.

Rjm 34

SOALAN NO : 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]**
TARIKH	:	**8 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**856**

SOALAN : 72

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) bilangan tahanan di bawah umur 21 tahun tang ditahan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969, Emergency Ordinance (Public Order dan Prevention Of Crime 1969 (EO) dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, (Dangerous Drug), (Special Preventive Measure) Act 1985 (DDA) pada masa ini dan sebab-sebab penahanan mereka; dan

(b) bilangan penahanan semula terhadap Ordinan Darurat (EO) yang telah dibebaskan oleh mahkamah dari 2005 hingga kini dan sebab-sebab bagi penahanan semula itu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B Subang yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Yang Berhormat mengenai persoalan yang pertama, sehingga tempoh 23 April 2008, tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 yang berumur 21 tahun ke bawah adalah seramai (73) orang. Mereka ini dikenakan perintah Tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan mencegah Jenayah) 1969 kerana terlibat dalam kegiatan jenayah berunsur kekerasan. Manakala bagi Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, tiada tahanan yang berumur di bawah 21 tahun.

Berhubung dengan persoalan yang kedua, semenjak tahun 2005 sehingga 23 April 2008, terdapat seramai (290) orang tahanan Ordinan Darurat Ketenteraman Awam dan mencegah Jenayah) 1969 Telah di tahan semula di Pusat Pemulihan Akhlak setelah dibebaskan melalui permohonan *Writ of Habeas Corpus* yang dibenarkan oleh Mahkamah. Tindakan penahanan semula ini adalah bagi tujuan tindakan pencegahan kerana mereka ini terlibat dalam kegiatan yang memudaratkan ketenteraman awam dan kegiatan jenayah berunsur kekerasan.

Soalan No : 73

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU)**
TARIKH	:	**8.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

a) adakah benar syarikat swasta telah diberi kebenaran untuk mengendalikan kelas komputer di sekolah; dan

b) jika benar, berapa yuran kelas komputer dibayar kepada sekolah atau syarikat terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Selain daripada sekolah-sekolah yang telah dibekalkan dengan makmal komputer oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), murid juga berpeluang mendapat pendedahan pembelajaran ICT yang disediakan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan juga agensi-agensi lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan kelas komputer yang diusahakan oleh PIBG serta yuran yang ditetapkan kepada setiap murid telah

mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada ibu bapa murid sekolah berkaitan hasil daripada keputusan mesyuarat PIBG.

Walau bagaimanapun, penetapan kadar yuran bagi mengikuti kelas komputer yang dijalankan adalah tidak sama antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh pihak KPM ke sekolah-sekolah, kebanyakan kelas komputer yang dijalankan oleh pihak PIBG mengenakan yuran dalam lingkungan sebanyak RM8.00 hingga RM10.00 sebulan.